**Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri** MS 3 & 28



**Wawancara khas isu Kg. Mutiara** MS 23



PERCUMA

buletin Mutiara

www.buletinmutiara.com




1 – 15 SEPTEMBER 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Kerajaan Negeri tetap bersama penduduk Kg. Mutiara

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri akan tetap bersama-sama perjuangan penduduk asal Kampung Mutiara, sungguhpun ketegasan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggamit kritikan daripada tuan tanah terbabit.

"Keutamaan kami (Kerajaan Negeri) adalah untuk mempertahankan hak-hak rakyat, terutama penduduk Kampung Mutiara.

"Kami adalah dengan anda (penduduk Kampung Mutiara).

"Sekiranya dia (tuan tanah) pohon (pelan pembangunan merancang), ia tidak akan diluluskan kerana Kerajaan Negeri berasa bahawa cara untuk menyelesaikan itu (melalui usaha merobohkan rumah penduduk asal tanpa pampasan) tidak boleh disokong oleh Kerajaan Negeri.

"Saya baca dalam suratkhabar *The Star*, hampir setengah muka cerita dia (tuan tanah) marah sama Kerajaan Negeri.

"Tidak kira apa, kami (Kerajaan Negeri) dengan rakyat, walaupun kita (Kerajaan Negeri) dimarahi dan dikritik oleh pemilik tanah.

"Kalau dia (tuan tanah) marah pun, kita tetap bersama dengan penduduk...yang penting Kampung Mutiara tetap ada (tidak dikosongkan)," tegas Guan Eng pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian sebagai respons pada kritikan tuan tanah terbabit, Peter Loke Leng Seak yang disiarkan dalam akhbar berbahasa Inggeris, *The Star* bertarikh 24 Ogos lalu.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dalam sidang media berasingan turut melahirkan rasa kesal dengan tindakan bekas Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Iszuree Ibrahim yang didakwa cuba menggambarkan Kerajaan Negeri langsung tidak membela nasib orang-orang Melayu di kampung tersebut.

"Sepertimana yang dinyatakan oleh Datuk Ahmad Ismail (Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera), isu Kampung Mutiara bukannya isu politik dan tidak seharusnya diputar belitkan oleh sesiapa pun," kata Zairil.

Sebelum ini, Zairil dan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam sidang media berasingan di kampung berkenaan turut menegaskan bahawa sebarang permohonan projek pembangunan di atas tanah tersebut tidak akan diluluskan, selagi tuntutan penduduk asal terbabit tidak ambil kira oleh pemaju.




**ZAIRIL Khir Johari (barisan pertama, tiga dari kanan), Teh Yee Cheu (barisan pertama, lima dari kiri) dan Ahli Majlis MBPP, Chris Lee Chun Kit (lima dari kiri) bersama-sama penduduk mengangkat sepanduk membantah langkah pengusiran penduduk asal Kampung Mutiara, Tanjung Bunga di sini baru-baru ini.**

Terdahulu, langkah pengusiran di atas sebidang tanah berkeluasan 3.5 ekar di Kampung Mutiara dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Tanjung Bunga dilakukan berikutan penghakiman mahkamah bertarikh 3 Julai 2012, perintah bertarikh 20 April 2015, writ milikan bertarikh 25 Jun 2015, dan akhirnya, notis keluar bertarikh 9 Julai 2015.

Ekoran itu, Zairil memberitahu bahawa beliau dihubungi, dan tuan tanah bersedia untuk berbincang mengenai isu berbangkit tersebut.

Zairil bersama-sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga, Teh Yee Cheu ke hadapan bersama-sama penduduk terbabit menuntut pampasan tertentu daripada tuan tanah, sehinggalah permohonan injuksi daripada pihak polis diterima oleh mahkamah.

# Naiktaraf Astaka Kota Selera selepas 37 tahun operasi

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PADANG KOTA –** Astaka Kota Selera dekat Padang Kota Lama kini dinaiktaraf selepas kira-kira 37 tahun beroperasi serta menjadi salah satu destinasi pelancongan makanan di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada Ewein Berhad serta anak syarikatnya, The Esplanade Park Sdn. Bhd. kerana menyumbang RM500,000 di bawah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi tujuan berkenaan.

"Sumbangan CSR yang disampaikan oleh Datuk Ewe (Swee Keng, Pengarah Urusan Kumpulan Ewein Berhad) ini menyerlahkan sokongan sektor korporat pada perubahan yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap lebih ramai pihak tampil bersama-sama Kerajaan Negeri melakukan perubahan yang lebih baik untuk keselesaan mutu hidup rakyat di negeri ini," ucapnya pada Majlis Perasmian Pembukaan Astaka Kota Selera Selepas Penarafannya di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam selepas itu turut menyempurnakan majlis menandatangani plak, serta menanam beberapa anak pokok *hankerchief tree* di pekarangan pintu masuk utama ke astaka tersebut.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota, Chow Kon Yeow turut berucap pada majlis tersebut.



**KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan upacara penanaman pokok *hankerchief tree* sebagai salah satu gimik Majlis Perasmian Pembukaan Astaka Kota Selera Selepas Penarafannya di sini baru-baru ini.**



**LIM Siew Khim (tujuh dari kanan) dan Patahiyah Ismail (barisan depan, lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama barisan Ahli Majlis MBPP sebelum bermulanya majlis rasmi.**

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Danny Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Teh Lai Heng (ADUN Komtar), Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung) antara pemimpin Kerajaan Negeri yang hadir pada majlis itu.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail, Datuk Abu Jamal Nordin (Timbalan Setiausaha (Pembangunan) Kerajaan Negeri), Datuk Zarul Ahmad Mohd. Zulkifli (Pengerusi Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd), Woo Choo (Konsulat Jeneral China ke Pulau Pinang) dan Shahul Hameed Syed Mohammed (Pengerusi Persatuan Peniaga Kecil dan Penjaja Astaka Kota Selera Padang Kota Lama).

Tarian 'Overtura', iaitu gabungan tarian kebudayaan Melayu, Cina dan India oleh anggota Majlis Kebudayaan Negeri merupakan antara persembahan pentas yang menarik pada majlis tersebut.

Semua tetamu turut disajikan pelbagai juadah terkenal seperti mee sotong, *coconut shake* dan pasembur.

Astaka Kota Selera dekat Padang Kota Lama selepas penarafan akan dibuka mulai jam 11 pagi hingga 8 malam.

## Siap projek tepat masa elak denda - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**KOMTAR –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menasihatkan para kontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan projek baru supaya menyiapkan kerja dalam tempoh masa ditetapkan bagi mengelakkan tindakan denda lewat siap projek yang bakal dinaikkan jumlahnya oleh Kerajaan Negeri.

Katanya, Kerajaan Negeri bakal menaikkan denda lewat siap projek sebanyak 50 peratus bagi menangani masalah kelewatan yang boleh menyusahkan semua pihak.

"Kita (Kerajaan Negeri) beri nasihat kepada kontraktor supaya tidak bermain 'silap mata' dengan Kerajaan Negeri, kerana kita amat mementingkan ketepatan masa untuk memudahkan semua pihak terutamanya rakyat.

"Selain itu, pendekatan ini turut dapat membantu dari segi penjimatan selaras dengan prinsip Kerajaan Negeri iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) yang diamalkan sejak tampuk pemerintahan diambilalih pada 2008," ucapnya pada Majlis Perasmian Kompleks Makanan Padang Brown yang telah siap dinaiktaraf di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail dan Ahli Parlimen Tanjung, Ng Wei Aik.

Melalui proses tender terbuka, Syarikat Arza Aktif Enterprise berjaya dilantik sebagai kontraktor projek bermula 1 April 2015 dan ia berjaya disiapkan dua bulan selepas itu (Jun 2015).

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa intipati projek naiktaraf Kompleks Makanan Padang Brown turut diselitkan dengan penyediaan kemudahan bertaraf antarabangsa khususnya untuk para peniaga di sini.

"Kompleks makanan ini tidak pernah dinaiktaraf lebih dari 20 tahun.

"Dengan kejayaan ini (selepas dinaiktaraf), diharapkan Kompleks Makanan Padang Brown akan menarik lebih ramai pelancong yang menggemari makanan tempatan Pulau Pinang," ujar beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam pada itu, Patahiyah menyifatkan bahawa kejayaan penaiktarafan ikon bernilai RM2.62 juta tersebut adalah selaras dengan pengiktirafan MBPP sebagai bandar raya tahun ini.

"Ini merupakan suatu pembangunan fizikal yang menjadi visi diri saya sendiri khususnya dalam menjadikan Bandaraya Pulau Pinang setanding bandar raya bertaraf antarabangsa yang lain," ujarnya.



**PERSEKITARAN Kompleks Makanan Padang Brown selepas siap dinaiktaraf.**

Tambah beliau, penarafan kompleks makanan tersebut adalah merangkumi 52 unit gerai makanan dan minuman, tandas lelaki dan wanita, ruang khas menyusu, surau, laluan basikal serta kerja-kerja landskap.

"Selain menaiktaraf secara fizikal, selaku Datuk Bandar, saya juga amat prihatin terhadap isu-isu berkaitan sanitari dan keselamatan makanan.

"Malah, sebagai tambahan, MBPP kini juga giat menjalankan pembangunan melalui aspek kemahiran mengendalikan pelanggan bagi memastikan imej dan budaya penjaja negeri ini menjadi teladan kepada para peniaga lain," kata Patahiyah.

# Sambutan Merdeka peringkat negeri semarak semangat cintakan tanah air

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Seramai 180 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan sepasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) merupakan antara 85 kontinjen yang menyertai acara perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang bertemakan "Sehati Sejiwa" pada pagi 31 Ogos lepas.

Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff, diiringi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew Gek Cheng serta Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang dan isteri, Datin Teoh Hooi Tuang turut menyaksikan acara perbarisan yang buat julung kalinya diadakan di jalan utama berhadapan Kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan isteri, Datin Nor Azizah Haron, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan isteri, K. Kalaiarasi, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan isteri, Datin Hamidah Mat Daud, serta barisan Exco Kerajaan Negeri, para Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen.

Choo Kiang yang juga Pengerusi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan Negeri dalam kenyataan bertulisnya berkata, pihaknya berharap sambutan kali ini dapat menyemarakkan lagi semangat cintakan tanah air, terutamanya dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah yang suatu hari nanti akan menjadi pemimpin generasi akan datang.

"Penglibatan kesemua kaum dalam acara sambutan ini menjadi perpaduan bangsa terus kekal kukuh dan bersepadu," jelasnya yang juga ADUN Bukit Tambun.



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) dan isteri diiringi Ketua Menteri dan Law Choo Kiang (enam dari kiri) ketika ketibaan beliau pada acara perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, perbarisan sambutan Hari Kebangsaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang adalah melibatkan 5,106 peserta, dengan 4,235 orang menyertai acara berkaitan.

Daripada jumlah itu, kata Choo Kiang, seramai 2,090 peserta adalah daripada orang awam, 90 peserta dalam lapan pasukan pancaragam, 540 peserta daripada kontinjen ko-kurikulum sekolah.

Itu, jelas beliau, termasuk 1,259 penyertaan dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi swasta serta universiti awam, selain 156 lain yang menyertai 11 kontinjen perarakan kenderaan.



AKSI salah sebuah pasukan yang menyertai acara perbarisan.




TABIK hormat daripada salah seorang anggota Bomba dan Penyelamat.



PERSEMBAHAN tarian warna-warni menyerikan acara perbarisan.

*(Lagi gambar di muka surat 28)*

# Pemeriksaan kenal pasti empat lokasi 'panas' denggi – Exco

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BATU LANCHANG –** Empat kawasan dikenal pasti sebagai lokasi 'panas' oleh Bahagian Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (Kesihatan) kerana mencatat kes demam denggi tertinggi dan menyebabkan kematian bagi minggu ke-33 (16 hingga 22 Ogos 2015).

Empat lokasi itu adalah Jalan York, Apartmen Sri Saujana dan Sri Wangsa di Daerah Timur Laut serta Lengkok Kenari di Daerah Barat Daya.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, kawasan dengan kepadatan penduduk yang tinggi lebih berpotensi menjadi lokasi pembiakan nyamuk Aedes berbanding mereka yang tinggal di desa.

"Sehingga 22 Ogos lalu, sejumlah 3,453 kes denggi dilaporkan berbanding 1,236 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2014, iaitu peningkatan 2,217 kes atau 179.37 peratus.

"Manakala, lapan kematian dilaporkan berbanding lima bagi tempoh sama tahun lepas," katanya ketika mengadakan tinjauan sekitar Apartmen Mewah Court di sini baru-baru ini.



DR. Afif Bahardin (kanan) dan Law Heng Kiang menunjukkan sampel jentik-jentik yang diambil ketika mengadakan tinjauan di Apartmen Mewah Court di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, Law Heng Kiang yang juga merupakan Exco Pembangunan Pelancongan serta pegawai-pegawai dari Pejabat Kesihatan Negeri Pulau Pinang.

Selain itu, jelas Afif, terdapat 16 lokasi wabak terkawal iaitu di Apartmen Mutiara, Jalan Ayer Rajahm, Jalan Kennedy, Kampung Baru, Lebuh Kimberly, Pangsapuri Pelangi, Pintasan Cecil, Apartmen Taman Kristal, Tanjung Court dan Kondominium Relau Indah bagi Daerah Timur Laut.

"Bagi Daerah Barat Daya pula, Lintang Sungai Ara, Kondominium Springfield, Lorong Kenari dan Blok Asoka dikenal pasti sebagai lokasi wabak terkawal termasuk Taman Sri Rambai dan Rumah Pangsa Kerajaan Negeri di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT)," ujar beliau.

Afif yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya dalam pada itu turut menyeru semua penduduk terutama di kawasan berkepadatan tinggi untuk melakukan pemeriksaan dalam dan luar kawasan rumah masing-masing bagi mengenal pasti dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes setiap minggu.

"Cuma perlukan 10 minit seminggu sekali sahaja untuk membawa perubahan sekaligus mengurangkan risiko gigitan nyamuk aedes," jelasnya yang turut meminta supaya penghuni rumah pangsa memberikan kerjasama dengan membenarkan anggota kesihatan menjalankan semburan kabus *(fogging)* di dalam kediaman masing-masing.

# Gagal kawal harga rumah, Exco desak Menteri letak jawatan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mendesak supaya Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan mengambil tanggungjawab sepenuhnya dengan meletak jawatan kerana gagal mengawal harga rumah negara ini.

Menurutnya, laporan terkini daripada Institut Penyelidikan Khazanah *(Khazanah Research Institute*, KRI) iaitu *"Making Housing Affordable"*, adalah amat mengejutkan.

"Laporan tersebut menyatakan bahawa harga pasaran hartanah perumahan di Malaysia adalah langsung tidak mampu dimiliki *(seriously unaffordable)* dengan kadar harga rumah 4.4 kali lebih tinggi dari kadar pendapatan isi rumah.

"Kerajaan Pusat perlu segera mengambil langkah-langkah wajar bagi menangani kenaikan harga rumah di Malaysia dan Menteri berwajib seharusnya meletak jawatan kerana gagal mengawalnya," tegasnya pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Turut serta, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Menurut Jagdeep, sebagai sebuah kerajaan, keuntungan seharusnya tidak diutamakan, sebaliknya perlu mengutamakan perbekalan unit-unit perumahan yang mampu dimiliki rakyat.

"Maka, Kerajaan Pusat sepatutnya mengetepikan keuntungan hampir RM150 juta yang dikaut melalui 15 projek di bawah agensi-agensi Persekutuan dengan membina rumah yang benar-benar mampu dimiliki oleh rakyat termasuk warga Pulau Pinang," ujarnya.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telahpun mengambil inisiatif untuk membekalkan rumah kepada seluruh warga Pulau Pinang mengikut ketetapan harga yang mampu dimiliki.

"Sudah tentulah harga yang dicadangkan agensi Persekutuan mencecah hampir RM2 juta (di bahagian pulau) dan RM1 juta di bahagian Seberang Perai adalah harga yang sememangnya tidak mampu dimiliki, sekaligus menyumbang kepada rumusan laporan KRI bahawa harga rumah di Malaysia adalah langsung tidak mampu dimiliki.

"Kerajaan Pusat perlu dengan serta-merta mengarahkan agensi Persekutuan terlibat seperti JKP Sdn. Bhd. dan PERDA untuk menyemak semula harga jualan unit perumahannya kepada harga mampu milik iaitu antara RM200,000 hingga RM400,000 di bahagian pulau dan RM150,000 ke RM250,000 bagi bahagian Seberang Perai.

"Malah untuk rekod, ada projek-projek JKP Sdn. Bhd. yang telahpun diluluskan permohonan kebenaran merancangnya," jelasnya yang berharap agar lebih banyak pihak swasta turut membantu inisiatif Kerajaan Negeri untuk membekalkan perumahan mampu milik di Pulau Pinang mengikut Garis Panduan Perumahan Mampu Milik 100 peratus.



**JAGDEEP Singh Deo (kanan) dan Dr. Afif Bahardin menunjukkan keratan laporan akhbar berhubung isu harga rumah dalam negara pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Tambah Jagdeep, sehingga kini, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) komited untuk membina 22,512 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

"Pihak swasta juga telah memohon untuk membina sebanyak 12,606 unit perumahan mampu milik yang kini dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan untuk prosedur berikutnya," kata beliau.

Sementara itu, Jagdeep turut berharap agar Kerajaan Pusat dapat memberi layanan saksama kepada pemaju-pemaju di Pulau Pinang yang telahpun memohon Permit Pengiklanan dan Lesen Pemaju (*Advertising Permit & Developer's License*, APDL) untuk kelulusan.

"Harus diingati bahawa penafian kelulusan permohonan APDL secara langsung bermaksud penafian pemajuan projek-projek perumahan mampu milik di Pulau Pinang.

"Saya berharap Kerajaan Pusat berhenti memainkan politik dalam usaha perbekalan perumahan mampu milik kepada warga Pulau Pinang," tegas beliau lagi.

## KN ambil berat kebajikan penjaja P. Pinang - Rashid

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Penganjuran Festival Usahawan dan Penjaja Pulau Pinang 2015 (FUP) menerima sambutan luar biasa apabila seramai 60 penjaja dan usahawan tempatan mengambil bahagian dalam penganjurannya di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, penganjuran FUP kali ini telahpun memasuki tahun ke-tujuh dan saban tahun penyertaan penjaja pasti bertambah.

"Pastinya ia (penganjuran FUP) sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkasa dan membangunkan modal insan melalui keusahawanan dan perniagaan," ucapnya pada Majlis Perasmian FUP 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Penolong Pegawai Daerah Barat Daya, Syamsul Fitry Ahmad dan Penghulu Parlimen Bukit Bendera, Othman Mahmud.

Menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri memperkenalkan pelbagai inisiatif dan intensif bagi memastikan pembangunan sektor keusahawanan serta penjaja dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan berstruktur.




**GAYA santai Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) yang memotong kambing golek untuk dijual di FUP di sini baru-baru ini.**




**PERSEMBAHAN istimewa 'Roti Canai Terbang'.**

"Kita (Kerajaan Negeri) juga mengambil berat kebajikan penjaja-penjaja di Pulau Pinang terutamanya penjaja-penjaja kecil di negeri ini.

"Selain itu, dalam memastikan keaslian makanan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga melaksanakan Dasar Larangan Warga Asing Memasak Makanan Tempatan selain menjamin ketulenan rasa masakan tempatan," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat.

FUP 2015 anjuran Pejabat MMK Pembangunan Usahawan menyaksikan penyertaan usahawan dan penjaja dengan pelbagai jenis sajian termasuk citarasa masakan Melayu tradisional, masakan Nyonya, citarasa antarabangsa, masakan Cina dan masakan India.

Antara nama-nama penjaja dan usahawan terkenal yang menyertai FUP 2015 adalah Ah Basri Food Sdn. Bhd. (sate Ah Basri), Koo Boo Cafe (Nasi Tujuh Benua), Laksa Tempurung Teluk Kumbar, QQ Chee Cheong Fan, Loo Kee Seafood *(char kuih kar)*, Jeruk Pak Ali, Jalil Special Ice Kacang & Coconut Shake dan JT F&B Group Sdn. Bhd. (pasta).

Turut memeriahkan penganjuran, persembahan istimewa 'Roti Canai Terbang' daripada Mamu Roti Canai.

# Berjaya ke Liga Super , FAP terima insentif PBAPP RM3 juta

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang (FAP) baru-baru ini menerima suntikan insentif berjumlah RM3 juta dari Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) selaku penaja utama Skuad Harimau Kumbang itu.

Penyampaian cek insentif disempurnakan Pengurus Besar PBAPP, Ir. Jaseni Maidinsa di hadapan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Presiden FAP, Datuk Seri Nazir Ariff Mushir Ariff di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Bendahari FAP, Datuk M. Murly turut sama dalam majlis berkaitan.

Guan Eng dalam pada itu menyifatkan pemberian insentif sebanyak RM3 juta adalah sebagai meraikan kejayaan Skuad Harimau Kumbang kembali ke Liga Super pada musim hadapan.

"Tahniah skuad Pulau Pinang kerana berjaya mencapai matlamat yang ditetapkan iaitu dari Liga Perdana ke Liga Super untuk musim hadapan.

"Kejayaan ini sememangnya dinanti-nantikan oleh peminat bola sepak Pulau Pinang, walaupun sukar, saya berharap skuad Pulau Pinang dapat kekal dalam Liga Super," katanya dalam sidang media sejurus menyempurnakan penyampaian cek tersebut di sini baru-baru ini.

Bagi Nazir Ariff, beliau menzahirkan ucapan terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bahagi Kerajaan Negeri dan PBAPP sehingga berjaya ke Liga Super pada musim depan.

"Terima kasih kepada Ketua Menteri, PBAPP, PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) dan seluruh penyokong termasuk ahli-ahli FAP atas sokongan yang jitu sepanjang musim lalu.



**IR. Jaseni Maidinsa (empat dari kiri) menyerahkan replika cek RM3 juta kepada Nazir Ariff Mushir Ariff (empat dari kanan) sambil disaksikan Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis penyampaian insentif berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Begitu juga kepada Dato' (Mohd. Rashid), YB Chong Eng dan Dr. Afif kerana selalu datang ke stadium menonton perlawanan skuad kita pada musim lalu.

"Kami di FAP pastinya berharap agar Kerajaan Negeri dan PBAPP dapat terus memberi sokongan untuk kami terus mengorak kejayaan seterusnya dalam Liga Super nanti," ujar beliau.

Dalam majlis sama, Nazir Ariff turut mengumumkan dua pemain Pulau Pinang yang bakal menyertai Skuad Kebangsaan, Harimau Malaya iaitu Mohd. Faiz Subri dan Yong Kuong Yong.

Tahniah Skuad Harimau Kumbang. Haria Penang Haria!



**PENYOKONG-penyokong Skuad Harimau Kumbang bersorak kegembiraan meraikan kejayaan ke Liga Super di Stadium Hang Jebat, Melaka baru-baru ini. *(Gambar fail).***

# Masalah nelayan sungai Pengkalan Machang dapat perhatian Exco

Teks dan Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SUNGAI DUA –** Beberapa permasalahan membabitkan 55 nelayan sungai Pengkalan Machang yang diutarakan di sini baru-baru ini memperoleh perhatian Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.



**TANJAKAN yang dipercayai digunakan untuk melepaskan ikan keli ke dalam sungai oleh pihak tidak bertanggungjawab.**

Antaranya, menurut Pengerusi Pakatan Nelayan Sungai Pengkalan Machang, Ramli Hashim, adalah tindakan segelintir pihak yang bertindak melepaskan ikan keli ke dalam sungai sehingga menjejaskan hasil tangkapan.

"Jika sebelum ini nelayan di sini boleh mendapat hasil yang agak lumayan seperti udang galah, ikan talapia, baung, duri dan patin, tetapi kini jumlahnya semakin berkurangan.

“Udang dan anak-anak ikan semuanya habis dimakan oleh ikan keli yang dilepaskan ke dalam sungai ini. Malah, pada tahun 2014, sebanyak 100,000 benih udang dan ikan dilepaskan ke dalam sungai ini, tetapi hasilnya hanya dapat 'dituai' sekali sahaja.

“Justeru, saya harap dengan lawatan Dr. Afif (Afif) ini, sekurang-kurangnya dapat membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi nelayan-nelayan sungai di sini,” katanya kepada pihak media bersempena program menyusuri Sungai Perai hingga Ampang Jajar bersama-sama dengan agensi-agensi berkaitan di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ahmad Tarmizi Abdullah, Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul, wakil-wakil dari Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

Dalam pada itu, Afif memberitahu bahawa kebajikan nelayan sungai adalah sama penting dengan nelayan pantai kerana kedua-dua pihak terbabit masing-masing menyumbang kepada ekonomi negeri.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kanan) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil agensi-agensi berkaitan ketika menaiki bot menyusuri Sungai Perai bagi meninjau permasalahan dihadapi nelayan sungai Pengkalan Machang di sini baru-baru ini.**

“Lawatan kerja ini adalah untuk melihat sendiri permasalahan yang dihadapi nelayan sungai di sini, selain mengambil tindakan susulan bagi mengoptimumkan hasil sungai ini untuk ekonomi negeri," jelas beliau.

Mengulas lanjut, kata Afif, hasil tinjauan mendapati, selain tindakan melepaskan ikan keli ke dalam sungai oleh pihak tidak bertanggungjawab, pencemaran dari kilang-kilang dan keadaan jambatan di Ampang Jajar yang dibina terlalu rendah sehingga menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke laut juga merupakan antara punca penyebab situasi berkaitan.

“Saya akan bawa masalah ini ke dalam mesyuarat Kerajaan Negeri bagi mencari suatu penyelesaian...sama ada untuk menaiktaraf jambatan sedia ada atau tidak kerana ia memerlukan kos yang sangat tinggi,” ujarnya.

# Mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia dicat semula




(Dari kiri), ZAIRIL Khir Johari, Munower Sadiq M.K.E. Kader Sultan dan Ketua Menteri ketika menyempurnakan gimik mengecat semula mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TANJUNG BUNGA –** Lukisan mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia di Jalan Tanjung Bunga di sini dicat semula sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-58 baru-baru ini.

Lukisan sepanjang 541 meter dengan ketinggian 3.3 meter itu masih mengekalkan rekod sebagai lukisan mural Jalur Gemilang terpanjang di Malaysia dalam *The Malaysia Book of Records* (MBOR) sejak tahun 2003.

Menurut Presiden Kelab Sukan Belia Islam (YMSC), Munower Sadiq M.K.E. Kader Sultan, ilham untuk melukis mural dicetuskan oleh salah seorang ahli kelab pada tahun 2003.

"Sejak 2003, lukisan mural ini masih mengekalkan rekodnya dan sejak tahun 2004, kita (YMSC) akan mengecat semula mural ini setiap kali sambutan hari kemerdekaan.

"Walau bagaimanapun, pada tahun 2007, bendera negeri Pulau Pinang sepanjang 300 meter pula dilukis bersebelahan Jalur Gemilang menjadikannya lukisan mural bendera terpanjang di Malaysia," ucapnya pada Majlis Mengecat Semula Mural Jalur Gemilang Terpanjang di Malaysia di sini baru-baru ini.

Hadir menyempurnakan majlis, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari.

Turut sama, pengerusi jawatankuasa pelaksana, Warsa Mohamed Bakar dan penaja cat, Pengarah Eksekutif Colorland Sdn. Bhd., Loh Boon Leong.

Dalam itu itu, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri menaja sebanyak RM12,000 bagi menjayakan projek berkenaan.

"Syabas dan tahniah kepada semua yang menjayakan projek ini terutama YMSC yang mengambil inisiatif menyemarakkan lagi sambutan Hari Kebangsaan ke-58 tahun ini," ujar beliau.

Projek mengecat semula lukisan mural Jalur Gemilang dan bendera negeri Pulau Pinang tersebut menelan kos hampir RM100,000 termasuk tajaan cat mencecah 3,000 liter dan peralatan mengecat.

Kira-kira 300 sukarelawan dalam kalangan penaja mengambil bahagian dalam projek berkaitan yang mengambil masa kira-kira enam jam untuk disempurnakan.

# Pasaran hartanah sekunder diramal rancak suku ke-3

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**




CHOW Kon Yeow ketika menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian MASPEX Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**PANTAI JEREJAK –** Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow percaya bahawa suku ketiga tahun 2015 akan lebih menjanjikan kerancakkan pada transaksi jual beli hartanah sekunder.

Jelas beliau, jangkaan tersebut adalah disebabkan beberapa kaedah 'penyejukkan harga' yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama Kerajaan Pusat dalam menangani kenaikan harga hartanah yang melampau.

"Kerajaan Negeri sedar akan keperluan untuk memastikan harga hartanah tidak melambung di luar kawalan, justeru, kami (Kerajaan Negeri) memperkenalkan beberapa langkah 'penyejukkan' untuk 'menyejukkan' pasaran (hartanah) di Pulau Pinang termasuk mengenakan moratorium 10 dan lima tahun ke atas jualan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik," ujarnya pada Majlis Perasmian Pameran Hartanah Sekunder Malaysia (MASPEX) Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden Institut Agen Hartanah Malaysia (MIEA) yang juga selaku penganjur utama, Erick Ying Tian Kho.

Menurut Kon Yeow, dalam mengimbangi cabaran mengawal hartanah di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan pemaju swasta amat komited dalam usaha menyediakan perumahan mampu milik kepada penduduk negeri ini.

"Setakat ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 12 projek di semua lima daerah Pulau Pinang yang menyaksikan lebih dari 22,000 unit rumah mampu milik sudah, sedang dan dirancang untuk pembinaan.

"Malah, sebagai tambahan, Jawatankuasa Penambahbaikan Proses Pemilihan (SPEC) juga ditubuhkan bagi memastikan pemilihan pemohon berjaya adalah lebih adil dan menghubungkan pihak pemaju serta pembeli dalam memudahcarakan proses pemilikan," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Tian Kho menyifatkan bahawa jualan hartanah sekunder adalah amat mempengaruhi pasaran kini.

"Laporan Hartanah Malaysia menyatakan bahawa 75 peratus transaksi hartanah adalah melibatkan hartanah sekunder selain harga yang berpatutan mengikut lokasi tertentu," ujarnya.

# P. Pinang akan capai status bandar antarabangsa - KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



SEBAHAGIAN penerima yang hadir pada Majlis Penyampaian Sumbangan Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Kereta Sewa di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Seramai 78 pemandu teksi, teksi pelancongan dan kereta sewa yang sah berdaftar di Pulau Pinang hadir menerima sumbangan insentif daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Pada majlis penyampaian ketiga yang diadakan khas tersebut adalah membabitkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM23,400.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, kebiasaannya hanya dua majlis penyampaian insentif diadakan pada setiap tahun.

"Namun, kerana sifat ambil berat dan sebagai penghargaan atas bakti para pemandu teksi dan kereta sewa di negeri ini, kita (Kerajaan Negeri) menganjurkan majlis ini demi meraikan mereka," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Insentif Perkhidmatan Kepada Pemandu Teksi dan Kereta Sewa di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Pengerusi Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang, Abd. Malek Darus.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri telah mengagihkan sumbangan insentif berkaitan sebanyak RM709,500 kepada 2,365 pemandu teksi, teksi pelancongan dan kereta sewa yang sah berdaftar di Pulau Pinang.

Menurut Guan Eng, sumbangan tersebut adalah merupakan salah satu daripada manifesto PRU13 (Pilihan Raya Umum Ke-13) dan Kerajaan Negeri kini mengotakannya.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu, menjelang tahun 2030, Pulau Pinang bakal mencapai tahap kemampuan pengangkutan awam yang mampan, efisien dan holistik.

"Pulau Pinang akan mencapai status bandar antarabangsa.

"Kemampuan pengangkutan awam yang bertaraf antarabangsa ini memerlukan kerjasama yang erat di antara semua pengusaha-pengusaha pengangkutan awam di negeri ini.

"Kita akan terus membangunkan ekonomi Pulau Pinang dengan menarik lebih ramai pelabur dan pelancong ke sini," ujarnya.

# Projek TDP, penajaan dialu-alukan

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebuah pusat sains dan penemuan dikenali sebagai *Tech-Dome Penang* (TDP) yang akan menjadi ikon Kompleks Tunku Abdul Razak (Komtar) bakal dibangunkan dalam usaha mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kecemerlangan sains dan teknologi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek TDP yang menelan belanja RM23.2 juta itu dijangka siap sepenuhnya menjelang tahun 2016.

Jelasnya, TDP yang dibangunkan hasil kerjasama PPP *(public-private partnership)* antara sektor swasta dan Kerajaan Negeri bakal berfungsi sebagai sebuah pusat pembelajaran teknologi dan pertukaran idea.

"Secara tidak langsung, TDP yang merupakan platform untuk semua lapisan masyarakat meneroka keajaiban sains dan teknologi bakal menyemarakkan lagi minat sedia ada golongan muda dan menghidupkan semangat '*inspiring inovation*'," ucapnya pada Majlis Pecah Tanah TDP di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng; Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Pengerusi Penang Tech Centre, Datuk Wong Siew Hai dan barisan penaja TDP.

TDP adalah sebuah projek teraju bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat untuk modal insan berkemahiran tinggi dalam bidang sains, kejuruteraan dan teknologi di samping menyekat kemerosotan minat, pengetahuan dan persaingan dalam bidang-bidang berkenaan.

TDP terbahagi kepada beberapa ruang pameran dan gerak kerja termasuk ruang robotik *(Roboville)*, ruang spektrum dan cahaya *(Spark)*, Taman Silikon dan bilik *Life Tech*.

Menurut Guan Eng, TDP bakal menjadi bangunan *Green Building Index* (GBI) yang diperakui selaras dengan keutamaan Kerajaan Negeri dalam isu perancangan alam sekitar.

"Selain pameran sains, teknologi dan kejuruteraan, terdapat juga pelbagai program pendidikan, bengkel dan kem sains untuk kanak-kanak.



**LAKARAN artis bangunan TDP.**

"Malah, maklumat mengenai syarikat-syarikat multinasional yang berpengkalan di dalam negara dan syarikat-syarikat tempatan turut akan dipamerkan," jelasnya.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa projek pembinaan TDP masih kekurangan dana sejumlah RM2 juta (sehingga tarikh 14 Ogos 2015) daripada jumlah bajet keseluruhan bernilai RM25 juta.

"Justeru, kepada pihak yang ingin membuat penajaan dan menjadi pengasas kepada projek yang bakal mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat kecemerlangan sains dan teknologi adalah amat dialu-alukan," ujar beliau.

Untuk maklumat lanjut berkaitan TDP. Sila layari laman sesawang *Tech Dome Penang* di *www.techdomepenang.org*.

# NGO urus rumah perlindungan wajar terima lebih dana Putrajaya - TKM1

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **ALISSALA THIAN**



**MOHD. Rashid Hasnon (berbaju batik perang) diiringi Jerry Chan (empat dari kanan) bergambar kenangan dengan ahli jawatankuasa, para sukarelawan dan penghuni-penghuni *House of Hope* sempena penganjuran program CSR REHDA Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

**KEBUN BUNGA –** Badan bukan kerajaan (NGO) yang menguruskan rumah perlindungan kanak-kanak, anak yatim, orang kurang upaya (OKU) dan serta warga emas yang kurang bernasib baik di negara ini sewajarnya mendapat dana sokongan lebih secara langsung daripada Putrajaya, sebagaimana di negara-negara maju.

Demikian kata Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon semasa menyampaikan sumbangan kepada golongan terpilih di rumah pelindungan *House of Hope* dekat Jalan Masjid Negeri di sini, anjuran bersama Persatuan Pemaju Perumahan dan Hartanah (REHDA) Pulau Pinang.

"Semua kita mengetahui kira-kira 81 permohonan DLAP (Lesen Pemajuan & Permit Iklan) projek pemajuan negeri ini masih dilengah-lengahkan oleh Kementerian (Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan) hingga menyusahkan para pemaju di Pulau Pinang.

"Tetapi, saya memuji inisiatif pemaju-pemaju diketuai Datuk Jerry Chan sebagai Pengerusi REHDA Pulau Pinang kerana boleh menganjurkan program CSR (tanggungjawab sosial korporat) bersama-sama pertubuhan *House of Hope*, walaupun dihambat pelbagai cabaran-cabaran ini.

"Saya harap Putrajaya sendiri boleh mengambil sikap terbuka dengan komitmen REHDA dan pemaju ke negeri ini, serta pertimbang cadangan menyalurkan dana sokongan kepada pertubuhan kebajikan seumpama *House of Hope*, seperti di negara-negara maju," katanya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat pada penganjuran program CSR REHDA Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak turut menyempurnakan majlis penyerahan sumbangan berupa barang makanan asasi kepada golongan terpilih berkenaan.

Sebelum itu, Jerry dalam ucapannya memberitahu bahawa REHDA senantiasa komited dalam pembangunan masyarakat khususnya golongan terpilih, sungguhpun urusan utama mereka adalah dalam urusan pemajuan perumahan dan hartanah.

"Kita (REHDA) ke sini (*House of Hope*), kerana kita adalah bersaudara.

"Ini sebahagian komitmen yang tidak pernah dilupakan oleh kami (REHDA), iaitu menyalurkan sumbangan kepada golongan terpilih seperti ini," kata beliau sambil merakamkan penghargaan kepada wakil *House of Hope*.

Difahamkan, selain menyediakan jamuan untuk semua golongan terpilih terbabit, REHDA turut membawa kira-kira 40 kanak-kanak dari *House of Hope* keluar berjalan-jalan ke Bukit Bendera.

Pengarah *House of Hope*, Khoo Cheng See dan David Fong (pengurus penganjur) turut menyertai majlis amal bertemakan *"Joy and Caring with Love"* itu.



**BAPAK Ronald J.P. Manik (barisan depan, kanan sekali) mengiringi Ketua Menteri ke dewan utama yang mana berlangsungnya Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-70 Republik Indonesia di sini baru-baru ini.**

# Sambutan Kemerdekaan Ke-70 Republik Indonesia meriah

**PENUH BERMAKNA...** Lebih 500 hadirin memeriahkan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-70 Republik Indonesia yang diadakan dengan penuh meriah menerusi pengisian pelbagai acara bercirikan budaya negara tersebut di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN ahli jawatankuasa penganjur.**

Mengetuai delegasi Kerajaan Negeri adalah Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta isteri.

Turut sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai; ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari serta isteri dan Ketua Pegawai Eksekutif Penang Institute, Dr. Lim Kim Hua.

Selain itu, tetamu kehormat lain yang turut memeriahkan majlis berkaitan, Konsul Jeneral Jepun di Pulau Pinang, H.E. Mr Ryuji Noda, Konsul Terhormat Russia di Pulau Pinang, Teoh Seng Lee dan Konsul Jeneral Thailand di Pulau Pinang, Ekajit Kraivichien.

Ketibaan para tetamu disambut sendiri oleh Konsul Jeneral Republik Indonesia di Pulau Pinang, Bapak Ronald J.P. Manik serta isteri.

Selain kepelbagaian busana tradisional yang diperagakan, para jemputan yang hadir turut dipukau oleh persembahan tarian yang begitu unik.



DR. Abdul Rahman Abbas (kanan) menyerahkan sijil pentauliahan kepada salah seorang pelajar pada Majlis Konvokesyen KITAB Kali Ke-Tujuh di sini baru-baru ini.




# KN sentiasa sokong KITAB lahir cendekiawan agama

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Tuan Yang Terutama Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas menyifatkan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang amat penting kepada umat Islam khususnya di Pulau Pinang.

Beliau berkata, selama 15 tahun penubuhan KITAB, institusi tersebut telah melahirkan ramai cendekiawan tanpa mengira latar belakang yang mempunyai kesungguhan untuk menuntut ilmu dalam pengajian agama Islam di peringkat lebih tinggi.

"Ibu bapa para graduan juga harus bersyukur kerana KITAB sedikit-sebanyak telah mengambil peranan dalam mendidik anak masing-masing untuk menjadi insan yang soleh serta solehah sebagai bekalan kepada kita di akhirat kelak.

"Seperti hadis Nabi Muhammad S.A.W yang berbunyi seperti, 'Apabila matinya seorang anak Adam, maka terputuslah semua hubungan kecuali sedekah amal jariah, ilmu yang bermanfaat serta doa dari anak-anak yang soleh kepada kedua-dua ibu bapanya'," ucapnya pada Majlis Konvokesyen KITAB Kali Ke-Tujuh di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Pengerusi Lembaga Pengarah KITAB, Dato' Mansor Othman, Mufti Negeri Pulau Pinang, Dato' Wan Salim Wan Mohd. Noor, Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man.

Seramai 200 pelajar menerima pentauliahan pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri sentiasa menyokong KITAB dan akan terus membantu institusi berkenaan yang merupakan sebahagian dari jabatan berkanun negeri.

"Saban tahun, kita (Kerajaan Negeri) meningkatkan peruntukan kepada KITAB.

"Malah, melalui KITAB, George Town dapat menjalinkan kerjasama dalam bidang pendidikan bersama-sama dua negara lain iaitu Indonesia dan Thailand melalui program *The Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT)," jelas beliau.



SEBAHAGIAN pelajar merakam gambar kenangan selepas selesai majlis pentauliahan.

# Harap GTF, BFF beri manfaat berganda kepada Seberang Perai

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**SEORANG pengunjung memerhatikan koleksi gambar-gambar menarik dalam suatu pameran jalanan mengenai perkembangan perbandaran Butterworth lampau sempena penganjuran BFF di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN *Viva La Vespa* yang dipamerkan.**

**BAGAN DALAM –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap penganjuran Festival Pinggir Butterworth (BFF) pada 15 dan 16 Ogos lalu di sekitar Jalan Jeti Lama di sini turut akan memberi manfaat berganda kepada Seberang Perai, sungguhpun kebanyakan sub-program Festival George Town 2015 (FGT) selama sebulan dilangsungkan di bahagian pulau negeri ini.

"GTF atau *Butterworth Fringe Festival 2015* (BFF) diharap dapat dijadikan satu produk yang mempunyai *multiplier effect* bagi kawasan Butterworth khasnya dan Seberang Perai secara umumnya.

"Dengan adanya BFF ini, ia dapat menjadikan Butterworth sebagai satu bandar yang bercorak kreatif dan inovatif," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan pada Pada Majlis Pembukaan BFF 2015 di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif merakamkan penghargaan kepada penganjur FGT, Joe Sidek kerana berjaya membawa kelainan dalam BFF, yang didakwa mampu membantu aspek pelancongan desa yang giat dipopularkan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"(BFF) akan membawa kelainan dari segi konsep persembahan, iaitu 'projek jalanan' yang mana merupakan kesinambungan dari Festival George Town (FGT) yang berlangsung di George Town," jelas beliau.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal merangkap Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan), A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam), Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang) dan Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis MPSP) turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Tink City Sdn. Bhd., Hamdan Abdul Majeed dan ketua operasinya, Dr. Neil Khor.

'*Viva La Vespa*', iaitu pameran koleksi motosikal moden dan klasik jenis vespa, tarian akrobatik unik oleh Isaac Hou, persembahan papet 'Bunraku' yang diterbangkan dari Jepun, serta pameran jalanan mengenai perkembangan perbandaran Butterworth lampau antara 15 sub program yang menarik sepanjang dua hari berlangsungnya festival tersebut.

FGT saban tahun diadakan di negeri ini sejak 2010, dengan temasya kebudayaan tempatan dan antarabangsa seumpama BFF buat julung kalinya diadakan di bahagian Seberang Perai.

# Karya P. Ramlee relevan sepanjang zaman - Zairil

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**



**(Dari kanan), ADRIAN Lee, "Fasal Tehrani" dan Khairudin Aljuneid ketika berlangsungnya forum perbincangan.**

**SEBERANG JAYA –** Kritikan sosial dalam filem Ali Baba Bujang Lapok yang dihasilkan oleh Seniman Agung Negara, Tan Sri P. Ramlee pada tahun 1961 bukan sahaja relevan, bahkan seakan-akan mengisahkan kepincangan tanah air sekarang.

Pengarah Eksekutif *Penang Institute* (PI), Zairil Khir Johari berkata, beberapa adegan dalam filem tersebut seolah-olah mengkritik isu RM2.6 bilion ke akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang kononnya derma dari pihak tertentu.

Katanya, langkah Najib menolak tanda tanya rakyat mengenai isu berbangkit belakangan ini, samalah seperti sikap Ali Baba lakonan Allahyarham Datuk Abdul Aziz Sattar menolak pelbagai persoalan isterinya mengenai wang emas yang dibawa pulang ke rumah, dalam filem tersebut.



**ZAIRIL Khir Johari ketika menyampaikan ucapan pada Forum Citra Agama Dalam Seni Tan Sri P. Ramlee di sini baru-baru ini.**

"Adegan mungkin serupa seperti dalam filem itu, tetapi dialognya mungkin berbeza sedikit...'oh, banyaknya duit ini, dari mana kekanda curi?'...'kekanda bukan curi, kawan kanda derma lah'."

"Karya Tan Sri P. Ramlee bukan sahaja relevan sepanjang zaman, tetapi sarat dengan nilai serta kritikan sosial yang sangat tajam," katanya yang juga Ahli Parlimen Bukit Bendera semasa menyampaikan ucapan perasmian Forum Citra Agama Dalam Seni Tan Sri P. Ramlee di sini baru-baru ini.

Forum tersebut menampilkan Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Adrian Lee, Mohd. Faizal Musa atau "Faisal Tehrani" (Novelis dan Fellow Penyelidik USM) dan Prof. Madya Dr. Khairudin Aljenied (Profesor Madya di Jabatan Pengajian Melayu, *National University of Singapore*) dan seorang ahli fonik profesional.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu, PI tiap-tiap tahun menganjurkan Festival P. Ramlee dengan mengadakan forum-forum seumpama ini, kerana menganggap hasil karya seniman berkenaan sangat memberi inspirasi serta membina jati diri warga Pulau Pinang.

"P. Ramlee adalah seniman agung yang mendahului zamannya, dengan tema-tema agama di awal perkembangan industri filem di Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia) amat jarang sekali disentuh oleh pembikin-pembikin filem sezaman yang lain.

"Namun, P. Ramlee telah mengambil langkah yang lebih ke depan.

"Beliau (P. Ramlee) mampu melihat kelebihan dan keunikan agama dalam menggerakkan masyarakatnya kemudian digarap dalam filem hingga membina jati diri kita pada hari ini," ujar beliau.



# Mangsa ribut terima sumbangan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menyampaikan sumbangan sebanyak RM13,500 kepada 13 mangsa bencana ribut di sini baru-baru ini.

Serentak itu, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut menyampaikan sumbangan kepada keluarga Yusni Md. Yusop, iaitu pemilik sebuah rumah yang ranap dihempap oleh sebatang pokok besar berusia kira-kira 100 tahun di Kampung Dodol di sini.

"Saya sendiri turut berbincang dengan kontraktor mengenai kos RM14,500 untuk membersihkan kawasan runtuhan ini.

“Keluarga (Yusni) ini turut diberi sumbangan RM5,000,” jelasnya selepas mengadakan lawatan ke kawasan bencana dan kediaman Yusni di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep turut memuji langkah pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan sokongan Pasukan Bomba & Penyelamat kerana cepat bertindak menguruskan bencana di sini.

“Tragedi ribut selama kira-kira 10 minit tersebut kemungkinan kesan daripada perubahan iklim di negeri ini.

"Ramalan cuaca menunjukkan musim yang kering, tetapi, kawasan saya telah mengalami banjir kilat dua kali minggu ini, justeru, kami perlu bersedia." ujar beliau.

Dalam pada itu, Yusni yang ditemui kemudian melahirkan rasa syukur kerana kemusnahan rumahnya itu langsung tidak meragut nyawa anggota keluarga beliau.

“Nasib baik kami tidak ada di rumah semasa ribut melanda, tapi, rumah kami musnah semuanya,” jelasnya.



**JAGDEEP Singh Deo (tujuh dari kanan) menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan kepada mangsa-mangsa ribut terlibat.**



**JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) menunjukkan pokok besar berusia kira-kira 100 tahun yang tumbang dan menghempap kediaman Yusni Md. Yusop di Kampung Dodol di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ME**






**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) berjabat tangan dengan Sadarudin Mohd. Yusof (kiri sekali) ketika menyempurnakan gimik Majlis Penyampaian Sumbangan Kerajaan Negeri Kepada St. John Ambulans Untuk Penerbangan Haji 2015 di sini baru-baru ini.**

# St. John Ambulans terima sumbangan penghargaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Sebagai penghargaan kepada pertubuhan St. John Ambulans yang terlibat secara langsung berhubung aspek pengurusan keberangkatan pergi dan kepulangan para jemaah Haji melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Kerajaan Negeri baru-baru ini menyampaikan sumbangan bernilai RM3,000 kepada pihak berkaitan di sini.

Majlis penyampaian sumbangan kepada pasukan tersebut khas untuk penerbangan Haji 2015 disempurnakan Exco Pertanian & &Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin.

“Sumbangan ini adalah sebagai penghargaan kepada St. John Ambulans yang telah 50 tahun menguruskan prosedur pengurusan jemaah Haji di negeri ini," katanya pada majlis tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Operasi Kawasan St. John Ambulans Barat Daya, Sadarudin Mohd. Yusof.

Dalam pada itu, menurut Sadarudin, tugasan pasukan beliau umumnya memerlukan kemahiran dan pengetahuan kerana ia melibatkan keselamatan serta kesihatan para jemaah.

“Kita (St. John) perlu peka kepada semua jemaah terutamanya yang mempunyai masalah kesihatan serta warga emas khususnya. Penugasan adalah bermula dari ketika seseorang jemaah berada di lapangan terbang sehinggalah beliau menaiki pesawat.

“Malah, penugasan adalah lebih mencabar apabila kumpulan jemaah pulang ke tanah air kerana ramai yang akan mengalami keuzuran ekoran perubahan cuaca dan lain-lain faktor,” jelas beliau.

# Masa depan Malaysia dalam senario Pasca-PR dan Pasca-BN

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**RAMAI** rakyat Malaysia kecewa dengan perpecahan Pakatan Rakyat (PR), sebuah gabungan berusia tujuh tahun yang telah bersatu atas keperluan bersama berikutan keputusan mengejutkan dalam Pilihan Raya Umum ke-12 pada tahun 2008..

Pilihan raya yang penting itu bukan sahaja menyaksikan Barisan Nasional (BN) kehilangan dua pertiga majoriti di Parlimen buat julung kali serta melepaskan kawalan ke atas lima daripada 13 negeri, tetapi juga meletakkan ketiga-tiga parti pembangkang utama, iaitu DAP, PKR dan Pas, dalam kedudukan yang janggal setelah mencukupi jumlah kerusi untuk membentuk lima kerajaan negeri – secara bersama. Justeru, atas dasar pragmatisme, ketiga-tiga parti telah mengetepikan perbezaan mereka. Hatta lahirlah Pakatan Rakyat (PR).

Secara umumnya, aturan ini telah berjaya. Menjelang pilihan raya umum berikutnya pada tahun 2013, sungguhpun keretakan mula kelihatan, gabungan PR mampu menyerlah sebagai alternatif kepada BN. Premis ini diabsahkan oleh keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13), yang menyaksikan gabungan tiga parti itu menguasai 52 peratus undi popular – namun dinafikan hak untuk membentuk Kerajaan Persekutuan akibat amalan persempadanan semula kawasan pilihan raya dan pembahagian kerusi yang tidak adil.

Malangnya, itu menjadi kemuncak kisah PR dan semuanya mula merosot selepas itu. Desakan agresif oleh media Melayu kawalan Umno yang mengapi-apikan agenda nasionalis Melayu-Islam serta perbalahan dalaman Pas telah membawa kepada kemunculan semula isu-isu yang amat memecahbelahkan seperti polemik kanun jenayah syariah atau lebih dikenali sebagai undang-undang hudud.

Kesudahannya, janji-janji dikhianati dan perang mulut meledak dalam kalangan parti komponen. Ekoran daripada itu, Muktamar Pas telah menaikkan golongan sayap kanan sebagai pemimpin dan, melalui usul yang diterima tanpa bahas, mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan dengan DAP. Maka berakhirlah gabungan PR.

**Gabungan kekal dan terpusat tidak mapan**

Walaupun ada yang meratapi pengkuburan PR sebagai halangan kepada pembangunan demokrasi di Malaysia, saya tidak seluruhnya bersetuju. Ini kerana perbezaan mendasar antara parti-parti PR akan senantiasa menjadi bom jangka yang menghantui kemampanannya. Oleh itu, saya lebih suka melihat bahawa perpecahan yang berlaku pada ketika ini akan membuka peluang untuk menyusun semula landskap politik Malaysia melalui penzahiran gabungan politik baru dan lebih progresif.

Sudah terlalu lama politik di Malaysia didominasi satu gabungan rasmi, iaitu BN dan pendahulunya, Perikatan. Usaha sememangnya dibuat untuk membentuk gabungan pembangkang pada masa lalu, seperti Barisan Sosialis, Gagasan Rakyat dan Barisan Alternatif, namun secara umumnya ia tidak tekal dan bersifat sementara. Namun begitu, oleh kerana PR tidak dilihat sebagai gabungan "pembangkang" semata-mata, dek kerana ia berjaya mentadbir di lima negeri ketika kemuncaknya, maka besarlah harapan rakyat bahawa gabungan ini dapat menjadi alternatif kekal kepada hegemoni BN.

Walaupun ramai yang menginginkan sebaliknya, hakikatnya adalah PR bukan sebuah konsep yang mapan. Malah, saya ingin mencanangkan bahawa sebarang jenis pakatan politik yang bertujuan untuk menggabungkan kesemua kepentingan kewilayahan yang rencam dan jauh berbeza di negara kita dalam bentuk yang seragam, kekal dan terpusat tidak mungkin berjaya. Ini kerana konsep sebegitu bercanggah dengan sifat-sifat fitrah masyarakat yang senantiasa dinamik.

Bagi BN pula, jelas gabungan mereka hanya berkekalan atas dasar kuasa dan hakikat bahawa ia dikawal secara terpusat oleh Umno, memandangkan parti nasionalis Melayu tersebut menguasai dua pertiga daripada jumlah kerusi Parlimen BN. Oleh kerana itu, parti-parti yang lebih kecil telah hilang kerelevanan dan daya upaya mereka. Kini, kesetiaan mereka dalam gabungan BN semata-mata berdasarkan kepada jaminan jawatan dan habuan.

Sebagai contoh, parti politik yang dahulunya berpengaruh seperti PPP, yang pada suatu ketika menjadi parti utama di Perak, kini tidak lagi mempunyai seorang wakil rakyat pun. Manakala, Gerakan yang pernah memerintah Pulau Pinang pula menyaksikan penguasaan mereka terhakis sehingga jumlah kerusi mereka diatasi oleh Umno – malah sebelum BN kalah di negeri tersebut pada tahun 2008. Satu lagi parti yang menjadi mangsa adalah Pas. Tidak lama selepas menyertai gabungan BN, mereka telah hilang penguasaan ke atas Kelantan akibat pengkhianatan Umno. Malah, Pas tidak berjaya merampas kembali tampuk kuasa di Kelantan sehingga lebih sedekad kemudian.

Walaupun gabungan PR tidak mempunyai satu rakan yang dominan, perselisihan antara pusat kuasa, iaitu kepimpinan pantai barat Semenanjung, dan wilayah pinggir seperti pantai timur Semenanjung dan Borneo, terbukti menjadi kehancuran Pakatan.

Di luar pantai barat, PR itu sendiri merupakan konsep yang samar. Sebagai contoh, sementara Pulau Pinang, Selangor, Perak dan, sedikit sebanyak, Kedah, boleh digambarkan sebagai negeri PR, label yang sama mungkin meragukan apabila merujuk kepada Kelantan. Bagaimanakah Kelantan boleh dikatakan kerajaan PR apabila DAP tidak bertanding di negeri ini dan PKR hanya mempunyai seorang wakil tunggal? Dalam erti kata lain, Kelantan tidak lain tidak bukan hanyalah kerajaan Pas.

Pada masa yang sama, gabungan PR juga berasa janggal di Malaysia Timur. Adakah idea PR itu betul-betul relevan kepada Sabah dan Sarawak? Bagaimana mungkin, apabila peranan Pas di kedua-dua negeri ini adalah sebagaimana DAP di pantai timur Semenanjung – hampir tidak wujud. Ketegangan yang ketara ini akhirnya mendorong DAP Sarawak untuk menzahirkan pendirian bebas dalam perkara ini.

Pada masa yang sama, kepentingan dan aspirasi kewilayahan juga bermakna Pas di pantai timur juga tidak serasi dengan aturan PR. Secara tidak langsung, isu hudud yang merupakan duri dalam daging adalah manifestasi persoalan ini. Menurut penyokongnya, kerajaan negeri Kelantan semata-mata menjalankan hak demokratik dalam mengejar cita-cita perundangannya. Walaupun objektifnya berkemungkinan besar bercanggah dengan Perlembagaan, itu menjadi persoalan lain. Dalam konteks ini, sebagaimana Pas Kelantan mempunyai hak untuk mengejar pelaksanaan hudud, DAP dan sesiapa sahaja mempunyai hak yang sama untuk menentangnya, bukan sekadar secara legislatif tetapi juga melalui mahkamah.

Walau bagaimanapun, dinamik demokratik ini tidak boleh muncul dalam konteks gabungan kekal. Memandangkan hudud bukan sebahagian daripada Kerangka Bersama PR yang dipersetujui oleh ketiga-tiga parti, cubaan Pas Kelantan untuk melaksanakannya merupakan pelanggaran perjanjian yang jelas.

Namun demikian, muncul juga soalan yang lebih besar – wajarkah kerajaan negeri Pas terikat dengan kontrak PR apabila ia sebenarnya bukanlah sebuah kerajaan PR? Oleh yang demikian, masalah ini membawa kepada persoalan struktur.

**Pembinaan gabungan yang terpencar**

Kepentingan dan aspirasi kewilayahan di negara kita sangat berbeza dan ada kalanya bercanggah dengan satu sama lain. Ini merupakan kelaziman dan bukanlah suatu yang mengejutkan. Apakah tidaknya, sedangkan setiap wilayah mempunyai perbezaan yang sangat ketara, baik dari segi budaya, sosio-ekonomi atau demografi.

Oleh itu, daripada memaksakan struktur gabungan kekal ke atas semua, cara yang lebih afdal adalah untuk menggalakkan gabungan terpencar melalui pakatan tidak kekal dan berdasarkan kontrak. Ini bermakna wilayah atau negeri yang berbeza boleh membuat gabungan tempatan mereka sendiri yang mungkin berbeza daripada gabungan parti mereka di peringkat persekutuan.

Konsep sedemikian sebenarnya menjadi amalan lazim di serata dunia. Di Jerman, sebagai contoh, Christian Democratic Union (CDU) di bawah kepimpinan Canselor Angela Merkel kini membentuk kerajaan campuran dengan Social Democratic Party (SPD) di peringkat persekutuan, manakala blok pembangkang terdiri daripada Green Party dan Die Linke.

Pun begitu, konfigurasinya jauh berbeza di peringkat negeri. Misalnya, di negeri Brandenburg, SPD mentadbir dengan kerjasama Die Linke, manakala di North Rhine-Westphalia, SPD membentuk kerajaan dengan Green Party. Lebih menarik lagi, di negeri Hessen, CDU membentuk kerajaan campuran dengan Green Party, iaitu satu perkiraan yang amat luarbiasa memandangkan kedua-dua parti itu mempunyai paksi ideologi yang jauh bertentangan.

Konfigurasi yang nampak mengelirukan ini sebenarnya lebih fleksibel dan dinamik. Malah, ia juga lebih rasional, kerana gabungan berlainan di peringkat berlainan ini lebih mencerminkan keperluan dan aspirasi kewilayahan dan kepentingan politik yang berbeza. Mungkin ada yang tertanya bagaimana pakatan sedemikian boleh berfungsi, khususnya apabila melibatkan ideologi yang tidak selari dalam kalangan parti yang terlibat. Jawapannya mudah – kerana mereka tidak kekal, setiap gabungan hanya terikat kepada perjanjian berasaskan kontrak yang dipersetujui bagi tempoh kitaran pilihan raya tersebut. Perjanjian-perjanjian ini pula dibuat secara terbuka agar semua rakyat boleh menjangkakan apa dasar-dasar yang bakal dilaksanakan oleh sesuatu kerajaan gabungan.

Satu lagi kelebihan perjanjian sedemikian adalah ia membenarkan parti-parti kecil untuk memainkan peranan yang penting tanpa mengikatkan diri mereka secara kekal kepada mana-mana gabungan tertentu. Ambil sebagai contoh kes Free Democratic Party (FDP) di Jerman. Walaupun ia merupakan pemain kecil berbanding gergasi seperti CDU dan SPD, FPD sebenarnya telah berkuasa lebih lama daripada mana-mana parti lain. Kejayaan ini dicapai dengan memainkan peranan sebagai rakan kongsi gabungan dalam kedua-dua kerajaan CDU dan SPD yang masa yang berasingan.

Di samping itu, pembinaan gabungan yang terpencar juga bermakna bahawa parti kecil seperti Die Linke dan Green Party, walaupun kekurangan kekuatan nasional, turut boleh menyumbang kepada tadbir urus negara melalui pembentukan gabungan peringkat negeri. Perkara ini sudah tentu mustahil jika mereka semua menjadi sebahagian daripada pakatan yang kekal dan terpusat.

Gabungan terpencar bukan sahaja lebih demokratik, ia juga kurang menyebabkan polarisasi. Dikotomi dua parti atau dua gabungan seringkali menimbulkan suasana permusuhan, seperti yang berlaku di Malaysia, lantas mengecilkan ruang kerjasama dan kompromi. Namun, apabila sebuah pihak sedar bahawa lawan mereka pada hari ini boleh menjadi rakan kongsi mereka pada keesokan hari, mereka akan secara spontan menzahirkan pendirian yang lebih sederhana.

**Adakah gabungan terpencar relevan untuk Malaysia?**

Satu soalan lazim yang kerap timbul apabila membincangkan isu ini ialah sama ada pengundi Malaysia sudah cukup matang dan bijak untuk memahami idea gabungan tidak tetap dan tidak terpusat ini, memandangkan mereka sudah begitu terbiasa dengan kerangka sedia ada. Saya juga sering dinasihatkan agar tidak membandingkan Malaysia dengan Jerman, kerana Jerman merupakan sebuah negara maju yang sudah lama mengamalkan demokrasi.

Meskipun itu menjadi tanggapan umum, ia tidak benar. Jangan kita lupa, Jerman secara keseluruhannya hanya menjadi negara demokratik sejak 25 tahun lalu berikutan kejatuhan tirai besi dan penyatuan semula antara Jerman Barat dan Jerman Timur pada tahun 1990. Malah, Jerman Barat pun hanya menjadi demokrasi sejak tahun 1949. Sebelum itu, Jerman merupakan negara diktator fasis yang paling terkenal dalam dunia moden.

Tambahan pula, bukan sahaja negara maju seperti Jerman yang mengamalkan konsep gabungan terpencar, malah negara jiran kita seperti Indonesia dan Filipina juga sama. Oleh itu, tidak ada sebab mengapa rakyat Malaysia tidak dapat memahami konsep ini.

Dalam konteks negara kita yang rencam dan berbeza dari segi budaya mahupun geografi, konsep gabungan terpencar menawarkan konfigurasi politik yang paling praktis dan efisien buat negara kita. Pembentukan pakatan berdasarkan kewilayahan bukan sahaja dapat mencerminkan aspirasi dan keperluan tempatan serta menghidupkan demokrasi tempatan, ia juga akan membantu membentuk landskap politik yang lebih progresif dan terangkum.

Oleh itu, di tengah-tengah krisis politik di negara kita yang tampaknya tiada penghujung, dengan pembubaran PR sementara BN bakal meledak, barangkali penyelesaian kepada kemelut Malaysia memerlukan paradigma baru yang dapat membawa kepada pendemokrasian yang lebih bermakna kepada rakyat.



**ZAIRIL Khir Johari (duduk, kanan sekali) ketika menziarahi dan menyerahkan sumbangan kepada warga emas, Hajah Laili Abdullah yang tinggal bersendirian di kediamannya di Kampung Herriot, Pulau Tikus.**



**MENGADAKAN lawatan ke Kampung Mutiara, Batu Feringghi.**

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| PULAU TIKUS<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PAS PENANG HQ | (T) 04 - 575 5584 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>- | - |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887 |
| PERMATANG BERANGAN<br>- | - |
| SUNGAI DUA<br>- | - |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119 |
| SUNGAI ACHEH<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515 |
| BAYAN LEPAS<br>- | - |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500 |
| TELUK BAHANG<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | - | - |
| N2 | Bertam | 019 - 593 3736 | Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | - | - |
| N5 | Sungai Dua | - | - |
| N6 | Telok Air Tawar | 017 - 595 9891 | Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | Kamal<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 399 6689 | Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | Benji Ang<br>Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | - | - |
| N39 | Pulau Betong | 016 - 407 2135 | Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | 017- 413 5695 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang September 2015




24hb September
***Hari Raya Haji***



### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "***sms blast***",
taip "***ADD ME***" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



AKSI para peserta yang berjaya menamatkan acara larian *Justice League Run.*



SEBAHAGIAN penganut agama Hindu yang menghadiri sambutan perayaan tahunan Kuil Sri Aruloli Thirumurugan, Bukit Bendera.




TETAMU jemputan khas Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Lembaga Muzium dan Balai Seni Lukis Negeri Pulau Pinang.



AKSI Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon yang masing-masing ingin merakam suasana penganjuran berbasikal *Campaign For A Lane 7th Edition.*





EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (berbaju putih) bergambar kenangan bersama-sama sekumpulan kanak-kanak yang hadir pada acara perbarisan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang.



LENSA Buletin Mutiara sempat merakam aksi keluarga Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari pada penganjuran *Justice League Run.*



KANAK-kanak yang memenangi pertandingan mewarna sempena program Kempen Kibar Jalur Gemilang.



KAKITANGAN Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang bertugas pada penganjuran Pameran Hartanah Sekunder Malaysia (MASPEX) Peringkat Negeri Pulau Pinang.

# Biasiswa, besar ertinya bagi seorang pelajar - ADUN

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**DATUK KERAMAT –** Pencapaian cemerlang 41 pelajar sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat dalam bidang akademik melayakkan kumpulan berkaitan menerima Skim Bantuan Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Jagdeep Singh Deo berkata, pecahan penerima mengikut sekolah adalah membabitkan lima pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah Munshi; SMK Methodist (Lelaki) (2); SMK Seri Mutiara (5); SMK Penang Free (4); Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC) Union (17) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Convent Datuk Keramat (8).

"Selain kecemerlangan akademik, penilaian turut dilakukan berdasarkan latar belakang ekonomi keluarga pelajar-pelajar berkaitan," katanya selepas selesai Majlis Penyampaian Biasiswa Kecil Negeri bagi KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.



JAGDEEP Singh Deo (barisan kedua, empat dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama ahli jawatankuasa pengelola dan para pelajar pada Majlis Penyampaian Biasiswa Kecil Negeri KADUN Datuk Keramat di sini baru-baru ini.



PARA pelajar menunjukkan sumbangan yang diterima.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu bahawa bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Keramat, sebanyak RM32,520 peruntukan diperuntukan daripada jumlah keseluruhan seluruh negeri Pulau Pinang RM1.2 juta membabitkan 1,591 pelajar.

"Walaupun nilainya cuma RM600 hingga RM840, namun sebagai seorang yang pernah menerima biasiswa, saya tahu betapa besar ertinya kepada seseorang pelajar.

"Jika tiada biasiswa, saya juga tidak tahu bagaimana saya ingin sambung belajar dan apa yang terjadi kepada saya sekarang," ujar beliau.


JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

**KENYATAAN TAWARAN LOT PERNIAGAAN / PAMERAN PESTA PULAU PINANG 2015**

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha / Penganjur yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tawaran seperti berikut berikut :

| Bil | No Rujukan | Tajuk | Tawaran dibuka kepada | Tarikh Jualan Borang / Lawatan Tapak | |
|---|---|---|---|---|---|
CHONG Eng (kanan sekali) sambil memegang pingat-pingat dimenangi Ng Chow Seng menunjukkan tanda bagus sempena lawatan beliau ke kediaman atlet berkaitan di sini baru-baru ini.

"Sejak menyertai kejohanan di peringkat antarabangsa pada tahun 1988, saya telah merangkul tiga emas, empat perak dan satu gangsa dalam pelbagai kategori antaranya *Bantam Weight* dan *Light Weight*.

"Saya bersedia dan yakin membawa pulang pingat untuk kejohanan kali ini, harap-harap ianya pingat emas," katanya selepas menerima kunjungan Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng di kediamannya di Taman Sri Rambai di sini baru-baru ini.



NG Chow Seng menunjukkan aksi *clean and jerk*.

Chong Eng dalam pada itu menzahirkan rasa bangga, walaupun telah mencapai usia 80 tahun, Chow Seng masih bergiat aktif menyertai kejohanan di peringkat antarabangsa sekaligus mengharumkan nama Malaysia dan Pulau Pinang di mata dunia.

"Jika dilihat susuk tubuh, pasti kita tidak menjangka yang beliau telah mencapai usia 80 tahun dan merupakan atlet veteran angkat berat negara.

"Pastinya pencapaian dan kejayaan beliau memberi inspirasi terutama golongan belia yang ingin berjinak-jinak dengan sukan angkat berat. Semoga berjaya dan membawa pulang kemenangan," katanya yang turut menyampaikan insentif berjumlah RM1,000 kepada Chow Seng.

Turut sama, wakil-wakil dari Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan Persekutuan Angkat Berat Malaysia, Pulau Pinang.

Anak jati Pulau Pinang tersebut mula menceburi bidang angkat berat seawal usia 14 tahun pada 1949 di Alor Setar, Kedah dan pernah menyandang gelaran *Mr. Weightlifter of Penang* dua tahun berturut-turut pada tahun 1958 dan 1959.

Malah, beliau turut bergiat dalam sukan tinju dan pernah menjuarai kejohanan tinju, *1st Federation Rejimental Boxing* untuk tiga tahun berturut-turut sehingga tahun 1965.

"Disiplin yang ketat dan usaha tanpa henti menjadi asas kesungguhan untuk menyertai kejohanan di peringkat antarabangsa.

"Apabila lagu 'Negaraku' berkumandang di luar negara, ia suatu detik yang paling membanggakan," tambah Chow Seng sambil tersenyum.

# Kuah Rojak Cik Laili, kalau sedap beritahulah kawan

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBAGAI** orang baru dalam bidang perniagaan, Makcik Laili telah menetapkan sasaran tinggi kepada dirinya.

Bergelar sebagai pengusaha kuah rojak sejak enam bulan lalu, Makcik Laili atau nama sebenarnya, Laili Mustaffa, 68, berpegang kepada sikap 'terbuka' untuk melihat produk keluarannya memasuki pasaran seluruh negara.

"Memanglah suka dengar kalau orang cakap kuah rojak Cik (Makcik) Laili sedap.

"Tapi, Makcik selalu pesan pada pelanggan, kalau tak sedap beritahulah tuan, kalau sedap, beritahulah kawan,'' jawabnya ringkas sambil tersenyum sipu.

Makcik Laili yang amat halus bahasanya memberitahu, selain bersikap terbuka, prinsip yang dipegang dirinya adalah rajin dan tidak cepat putus asa.

"Usaha Makcik banyak dapat sokongan daripada suami dan anak.

"Memang tidak biasa (pengalaman) berniaga, tetapi, nak cuba juga sebab ada minat. Pada masa sama, juga nak tambah pendapatan keluarga dan tolong rakan-rakan sekampung,'' ujar beliau.

Penglibatan Makcik Laili dalam bidang perusahaan tersebut bermula apabila Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) mempelawa beliau dan enam rakan-rakan yang lain menyertai kursus pembuatan kuah rojak, sos cili dan sos pencicah pada September 2014.

"Selepas kursus tu, Makcik cuba buat dan alhamdulillah, ia menjadi! Seronok rasanya bila sekali buat sudah menjadi.

"Masa tu buat guna *blender* rumah. Termasuk untuk majlis-majlis jamuan pejabat daerah. Bila permintaan bertambah, *blender* rosak sebab cili memang kena kisar sampai halus untuk mendapatkan struktur kuah yang sedap (tidak kasar)," jelas beliau.

Semenjak itu, walaupun terdapat permintaan untuk Makcik Laili mengkomersialkan produknya, ia terpaksa ditangguh ekoran tiada kemudahan mesin pengisar sehinggalah pada awal tahun ini beliau memperoleh sumbangan kelengkapan berkaitan dari Pejabat Daerah.

Bagi memenuhi permintaan pasaran kini, Makcik Laili membuat dua bancuhan kuah rojak dalam tempoh sebulan. Setiap satu bancuhan dapat menghasilkan kira-kira 20 botol kuah rojak seberat 500 gram setiap satu.



MAKCIK Laili atau Laili Mustaffa (tengah) ditemani suami dan seorang rakan menunjukkan produk-produk keluarannya.




KUAH Rojak Cik Laili yang siap dibotolkan.




PRODUK-produk keluaran Makcik Laili.

Sekiranya disimpan di dalam peti ais, kuah rojak Makcik Laili dapat bertahan dalam tempoh dua hingga tiga bulan.

Bagi beliau yang dikurniakan seorang cahaya mata, kuah rojak beliau adalah lebih pekat berbanding yang terdapat di pasaran kini. Malah, kacangnya juga diasingkan bagi mengelakkan ia (kacang) diperap di dalam kuah dan menjejaskan rasa ia.

Ketika ditanya bahan-bahan asas yang diperlukan, dengan pantas Makcik Laili yang kini menetap di Taman Selesa, Kampung Selamat, Tasek Gelugor mencelah bahawa belacan adalah (bahan) wajib.

"Selain itu, bahan-bahan lain adalah kicap, cabai kering, gula merah, gula kicap dan udang kering.

"Semua bahan-bahan ini perlu dikisar dan dimasak kira-kira dua jam. Kemudian, perlu dikacau kerap kali bagi mengelakkan ia tidak menjadi hangit. Jika hangit, memang rasa sudah lain dan tak sedap,'' katanya.

Kini, selain kuah rojak, produk keluaran terbaru Makcik Laili adalah sos cili dan sos pencicah. Istimewanya, sos cili dihasilkan Makcik Laili juga boleh digunakan sebagai perencah untuk menggoreng mi dan nasi.

"Sedap...," jawabnya ringkas.

Sebelum mengakhiri sesi temubual tersebut, pelawaan Makcik Laili untuk kami merasai nasi kerabu daging beliau yang pernah memenangi hadiah johan pertandingan memasak peringkat daerah amat menarik perhatian penulis.

"Masakan ini turun-temurun daripada mak (arwah). Memang sedap dan memang orang lain tak pernah buat.

"Istimewanya, bahan-bahan sampingan seperti daun kunyit, daging dan kerisik yang digoreng dicampur atau digaulkan ke dalam nasi yang dimasak.

"Memang ada niat nak komersialkan. Tapi, keadaan adalah tidak membenarkan terutamanya pada aspek sumber tenaga.

"Apapun, buat masa ini, Makcik akan menfokuskan kepada tiga produk ini dahulu. Buat sampai boleh buka kilang dan dipasarkan secara meluas," ujar beliau.

**INFO :**
**KUAH ROJAK CIK LAILI**
**Koperasi Maju Selamat Tasik Gelugor Berhad**
**No. 48, Lorong Selesa 1, Taman Selesa, Kampung Selamat, 13300 Tasek Gelugor.**

**No. Tel. : 013 - 426 8019 (Laili) ; 011 - 1077 6473 (Noni); 013 - 441 9949 (Abdullah)**

# Kg. Mutiara bukan isu perkauman – Zairil Khir Johari

**ISU** pengusiran penduduk asal oleh tuan tanah bukan tragedi baru di Pulau Pinang, malah telah banyak berlalu sejak sebelum tahun 2008 lagi.

Namun, isu pengusiran penduduk dari Kampung Mutiara di Batu Feringghi tiba-tiba menjadi perhatian banyak pihak, belakangan ini.

Lebih malang, Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng digambarkan seakan-akan langsung tidak membantu mereka yang berkenaan, rata-rata Melayu.

Isu pengusiran penduduk dari Kampung Mutiara akhirnya digambarkan sebagai suatu lagi kisah penindasan Melayu di Pulau Pinang, di beberapa media arus perdana.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** berpeluang mewawancara Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari, iaitu individu yang terlibat secara langsung dengan isu berbangkit tersebut di pejabatnya baru-baru ini.

"Selalunya isu seperti ini membabitkan tiga pihak, iaitu penduduk, tuan tanah dan pemaju. Kadang-kadang, tuan tanah dan pemaju adalah pihak yang sama.

"Dalam isu Kampung Mutiara ini, sebenarnya melibatkan dua pihak, iaitu tuan tanah dan penduduk sahaja. Tidak ada pemaju yang terlibat. Jika ada pemaju yang terlibat, maka Kerajaan Negeri boleh meletakkan syarat-syarat perancangan pembangunan. Dalam kes ini, tiada permohonan perancangan dibuat.

"Ini bererti bahawa kes Kampung Mutiara sebenarnya tidak melibatkan Kerajaan Negeri. Di sini, wakil rakyat dan Kerajaan Negeri hanya memainkan peranan pemudahcara untuk memastikan kebajikan penduduk terbela.

"Bagaimana pihak ketiga seperti Kerajaan Negeri umpamanya boleh digambarkan oleh pihak tertentu cuba mengusir Melayu dari Kampung Mutiara, sedangkan langkah pengusiran penduduk terbabit dibuat oleh tuan tanah di mahkamah," tanya Zairil.

Zairil merupakan anak bekas Menteri Pendidikan, Allahyarham Tan Sri Mohd. Khir Johari yang berkhidmat di bawah tiga perdana menteri terdahulu, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn.

Zairil merupakan graduan Universiti Multimedia, sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana di *University of London*.

Sekembalinya ke tanah air, Zairil sempat membina industri makanan berasaskan coklat sendiri, sebelum terus ke arena politik sepenuh masa pada tahun 2010.

Beliau dipilih menjadi Ahli Parlimen Bukit Bendera selepas Pilihan Raya Umum Ke-13, pada 5 Mac 2013.

Walaupun dihambat oleh kerja-kerja politik, beliau memainkan peranan penting dalam *Penang Institute* (PI), iaitu badan pemikir Kerajaan Negeri yang tidak berasaskan politik.

Beliau pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PI mulai Mac 2012 hingga Mac 2014, kemudian ditaklif sebagai Pengarah Eksekutif di institusi sama mulai Mac 2014 hingga kini.

Kes Kampung Mutiara merupakan antara isu-isu yang dikaji dari segi politik ekonomi dan impak sosial oleh pasukannya di PI.



ZAIRIL Khir Johari (duduk, kanan sekali) bersama-sama bekas Ahli Lembaga Pengarah PI, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa (depan, tengah), Pegawai Penerangan Bahagian Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainol (berdiri, dua dari kiri), Ahli-ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan beberapa aktivis lain meneliti dokumen perjuangan penduduk asal Kampung Mutiara pada sidang media di sini baru-baru ini.

"Penduduk Kampung Mutiara di Batu Feringghi telah menetap di kawasan Batu Feringghi tersebut sejak 50 tahun dahulu lagi, namun bukan di tanah yang terbabit. Mereka telah dipindahkan ke situ pada lewat tahun 1980an ke awal 1990an apabila Hotel Parkroyal dibangunkan. Tanah yang mereka duduki sekarang pula telah dibeli pada tahun 1991 oleh pemilik kini.

"Tuan tanah telah memulakan tindakan mahkamah pada tahun 2007, dan berjaya mendapatkan penghakiman mahkamah pada 3 Julai 2012, perintah (dikeluarkan) pada 3 Julai 2012, perintah bertarikh 20 April 2015, writ milikan bertarikh 25 Jun 2015, dan akhirnya, notis keluar bertarikh 9 Julai (2015) baru-baru ini.

## PAMPASAN

Zairil berkata Kerajaan Negeri bukanlah anti pembangunan, jauh lagilah mahu menafikan hak tuan tanah.

Tetapi, katanya, tuntutan-tuntutan penduduk asal Kampung Mutiara yang munasabah perlu diambil kira.

Mengambil contoh lain, pemajuan 803 pangsapuri mampu milik yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri melalui tuan tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dekat Sandiland Foreshore di tengah-tengah bandaraya George Town pada bulan Julai lepas, kerana Tanjung Villa Developement Sdn. Bhd. selaku pemaju bersetuju memberikan pampasan berupa "rumah ganti rumah" secara percuma kepada 54 pemilik rumah asal di atas tanah tersebut. Lagi satu contoh adalah Kampung Chetty yang terletak bersebelahan Kampung Mutiara, di mana penduduk telah diberi pampasan "rumah ganti rumah" oleh pemaju juga.

"Bagaimana boleh beberapa pemimpin Pas menuduh Kerajaan Negeri langsung tidak membela penduduk asal dan lebih mementingkan pemaju, walhal Kerajaan Negeri hari ini terang-terang membela penduduk Kampung Mutiara.

"Saya konsisten dengan garis panduan oleh Kerajaan Negeri, iaitu tidak akan meluluskan sebarang permohonan pelan pembangunan (merancang), jika tuntutan penduduk asal di atas satu-satu tanah langsung tidak diambil kira," ujar beliau sambil menegaskan bahawa isu Kampung Mutiara bukan isu perkauman.

Tambah beliau, Pengerusi Umno Bahagian Bukit Bendera, Datuk Ahmad Ismail sendiri sependapat dengan komitmen Kerajaan Negeri mempertahankan hak penduduk kampung tersebut.

"Sepertimana yang dinyatakan oleh Datuk Ahmad Ismail (Ketua Umno Bahagian Bukit Bendera), isu Kampung Mutiara bukannya isu politik dan tidak seharusnya diputar belitkan oleh sesiapa pun," kata Zairil.

Bagaimanapun, Zairil melahirkan rasa kesal dengan dolak-dalih beberapa pemimpin tertentu Pas yang didakwa memfitnah, kononnya Kerajaan Negeri langsung tidak membantu penduduk kampung berkenaan.

"Kerajaan Negeri difitnah Pas, walaupun usaha diiktiraf Umno," katanya.

## KETERBUKAAN

Bagi Zairil, pergelutan isu membabitkan penduduk telah sampai berjaya menemukan titik persefahaman, apabila beliau sendiri dihubungi oleh tuan tanah baru-baru ini.

Beliau memberitahu, Kerajaan Negeri senantiasa terbuka dan senantiasa mencari jalan agar hak mana-mana pihak berwajib tidak dinafikan dalam isu Kampung Mutiara ini.

"Datuk Ahmad Ismail sendiri beberapa kali menegaskan kepada media bahawa isu Kampung Mutiara ini bukan isu politik, dan Kerajaan Negeri komited mempertahankan hak penduduk.

"Memang sebelum ini tuan tanah langsung tidak pernah berbincang dengan saya atau Kerajaan Negeri.

"Tetapi, baru hubungi saya untuk berunding apabila dalam kenyataan saya bersama-sama YB Teh Yee Cheu (ADUN Tanjung Bunga) baru-baru ini menegaskan bahawa tiada sebarang pembangunan akan diluluskan atas tanah ini jika tiada pampasan yang munasabah untuk penduduk," jelasnya.

Tambah Zairil, Ahmad sendiri memberi komitmen untuk berbincang dengan Kerajaan Pusat agar tanah tersebut boleh ditebus demi kepentingan penduduk asal terbabit.

"Sangat baik usaha JKP (agensi persekutuan), kalau betul JKP mahu membeli tanah Kampung Mutiara itu.

"Isu Kampung Mutiara ini bukan isu politik, jadi sesiapapun tampil untuk membantu penduduk asal di kampung tersebut, Kerajaan Negeri akan terima dengan hati yang terbuka," kata Zairil.

# Salur sumbangan cegah kekejaman haiwan - ADUN

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BUKIT MERTAJAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee menggesa lebih banyak syarikat swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) di negeri ini supaya tampil memberi penekanan terhadap usaha menyalurkan sumbangan kepada pihak yang ingin mencegah kekejaman terhadap binatang jalanan seperti anjing dan kucing.

Lip Chee berkata, pendekatan tersebut adalah selari dengan matlamat *Society for The Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) dalam membantu mengurangkan masalah berkaitan bagi membolehkan binatang-binatang jalanan menjalani 'kehidupan' yang lebih baik.

"Saya amat berbesar hati sekiranya lebih ramai individu, syarikat dan badan swasta mempunyai sikap prihatin untuk membantu pengurusan terhadap binatang-binatang ini," jelasnya ketika menyaksikan penyerahkan sumbangan cek bernilai RM28,084.40 daripada syarikat *Continental* kepada SPCA di sini baru-baru ini.



SOON Lip Chee.

Turut berlangsung, majlis penyampaian cek bernilai RM42,126.60 kepada Tabung Bangunan Persatuan Untuk Kanak-kanak Terencat Akal Seberang Perai Utara (PEKTAS), iaitu sebuah pertubuhan yang menyediakan pendidikan asas, kemahiran dan alat bantuan kebajikan kehidupan kepada kanak-kanak cacat.

Hadir sama pada majlis berkaitan, wakil dari SPCA, Christina Liu Ting Ling, Pengerusi PEKTAS, Ng Mo Yong dan Pengarah Continental Cawangan Perai, Mohd. Akhir Hassan.

Mengulas lanjut, Lip Chee memberitahu, peningkatan bilangan anjing liar/jalanan di seluruh Seberang Perai kini adalah dipercayai berpunca daripada tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah menamatkan aktiviti pemandulan anjing pada Februari lalu.

"MPSP seharusnya duduk berbincang dengan Jabatan Kesihatan Veterinar bagi menangani isu ini terlebih dahulu," tegas beliau.

Dalam pada itu, menurut Mohd. Akhir, sumbangan yang diserahkan kepada kedua-dua pertubuhan terbabit merupakan hasil yang diperoleh menerusi penganjuran Karnival Amal Continental pada 8 Ogos lalu.

"Sumbangan ini adalah merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat kami terutamanya kepada pihak-pihak yang memerlukan," jelas beliau.

SPCA adalah sebuah NGO yang bertindak melindungi dan 'meningkatkan' kualiti hidup anjing liar atau jalanan di sini.

# Pertandingan Fotografi MBPP bantu promosi kempen hijau, bersih




MOHAMED Akbar Mustapha (dua dari kanan) sambil ditemani Ooi Kok Chuan (kanan sekali) meneliti gambar yang membawa tuah kepada Ong Chang Cheng (dua dari kiri) dan Soo Chin Boon pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Sempena Pengisytiharan MBPP 2015 baru-baru ini di sini.

Gambar : **CHAN LILIAN**

**GEORGE TOWN –** Ong Chang Cheng dan Soo Chin Boon diumumkan sebagai juara Pertandingan Fotografi Sempena Pengisytiharan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) 2015 baru-baru ini di sini.

Chang Cheng mewakili Kategori Ahli Pertubuhan Senifoto Pulau Pinang dan Chin Boon Kategori Terbuka masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM3,000.

Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, penganjuran hasil kerjasama dengan Pertubuhan Senifoto Pulau Pinang (PSP) tersebut menerima penyertaan memberangsangkan iaitu 200 penyertaan bagi Kategori Terbuka dan Kategori Ahli Pertubuhan Senifoto Pulau Pinang (100).

"Penyertaan yang diterima menunjukkan ketulenan serta kreativiti yang tidak terbatas.

"Gambar-gambar yang diterima dapat menyampaikan mesej kepada masyarakat tentang kemeriahan dan coretan sepanjang program-program sambutan MBPP yang diadakan di sini.

"Adalah diharapkan gambar-gambar ini dapat membantu mempromosikan lagi kempen kehijauan, kebersihan, keindahan serta kreativiti di samping mencerminkan seni budaya dan warisan negeri Pulau Pinang," ujarnya pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Sempena Pengisytiharan MBPP 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden PSP, Ooi Kok Chuan.

Hadiah kedua dan ketiga bagi setiap kategori pertandingan berkaitan adalah wang tunai bernilai RM2,000 dan RM1,000. Turut ditawarkan adalah lima hadiah saguhati.



GOLONGAN kanak-kanak tidak melepaskan peluang bermain catur gergasi yang menjadi salah satu tarikan utama penganjuran Kejohanan Catur Dalam Taman di sini baru-baru ini.

# Taman Perbandaran sebagai taman pendidikan negeri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TAT**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kini menjalankan kajian dalam usaha menjadikan Taman Perbandaran sebagai taman pendidikan negeri ini.

Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, fokus taman pendidikan adalah lebih kepada alam sekitar iaitu pengenalan nama-nama pokok dan alam semulajadi di sini.

"Malah, selaras itu, MBPP juga akan berusaha memperkenalkan lebih banyak 'produk' serta aktiviti riadah di Taman Perbandaran.

"Umumnya, taman ini wujud sejak 1970-an dan ia telah berkembang dari aspek pertambahan kepelbagaian fasiliti serta aktiviti riadah seperti kolam renang kanak-kanak dan keluarga, alat mainan kanak-kanak dan dewasa, aktiviti mendaki, senaman *tai-chi* yang diadakan di sini setiap hari kini," katanya ketika ditemui pada Kejohanan Catur Dalam Taman di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Catur Pulau Pinang, Lee Ewe Ghee.

Kira-kira 150 peserta mengambil bahagian dalam acara dianjurkan MBPP dengan kerjasama Persatuan Catur Pulau Pinang (PCA). Malah, ia turut berjaya menarik penyertaan pencatur cilik semuda lapan tahun.

Sebanyak empat kategori dipertandingkan iaitu Kategori Lapan Tahun dan Ke Bawah; Kategori 10 Tahun dan Ke Bawah; Kategori 12 Tahun dan Ke Bawah dan Kategori Terbuka.



SUASANA ketika berlangsungnya pertandingan.

# MPSP harus terus gigih hidupkan bandar Seberang Perai - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



SEBAHAGIAN direktorat penguatkuasa MPSP yang menyertai acara perbarisan kehormat.



(Dari kiri), FARIZAN Darus, Chow Kon Yeow, Ketua Menteri, Maimunah Mohd. Sharif dan Sr. Rozali Mohamud memerhatikan model bangunan MPSP yang dipamerkan sempena sambutan Hari Majlis MPSP di sini baru-baru ini.

**SEBERANG JAYA –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap Seberang Perai mampu dikenali antara destinasi tempat tinggal pilihan di rantau ini sebelum Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mencecah usia 50 tahun.

Beliau berkata demikian pada sambutan Hari Majlis MPSP Ke-41, yang dianjurkan serentak dengan Hari Terbuka Aidilfitri peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini baru-baru ini.

"MPSP harus menggunakan peluang ini, menjelang ulang tahun ke-50, untuk mencapai matlamat menjadikan Seberang Perai di bawah kawal selia MPSP (sebagai) sebuah daerah atau sebuah kawasan perbandaran yang bukan sahaja indah permai, juga sebuah bandar moden yang dilengkapi ciri-ciri sebuah bandar bertaraf antarabangsa.

"MPSP harus terus gigih berusaha dalam menghidupkan bandar Seberang Perai sebagai *liveable city*," ucapnya di perkarangan Kompleks Ibu Pejabat MPSP di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow serta Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut berucap pada majlis keraian tahunan tersebut.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Phee Boon Poh (Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Chong Eng, (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Sr. Rozali Mohamud (Setiausaha Majlis bagi MPSP), beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta Ahli-ahli Majlis MPSP.

Guan Eng dalam ucapan perasmiannya turut merakamkan penghargaan kepada MPSP atas inisiatif mengadakan acara perbarisan kehormat buat julung kalinya yang disertai oleh 33 direktorat penguatkuasa serta tiga pegawai PBT.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut menyempurnakan Majlis Perasmian Pembukaan Galeri MPSP, yang sarat dengan info mengenai rekod pengiktirafan berjaya dicapai PBT berkenaan pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

"Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas sekali lagi kepada MPSP yang telah dianugerahkan Sijil The Malaysia Book Of Records (MBR) pada 13 April 2015 atas pencapaian sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang mendapat lima pensijilan bagi sistem pengurusan berteraskan kualiti.

"Saya berharap dengan pensijilan MBR yang diterima MPSP akan menjadikan organisasi ini bertambah cekap dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk Seberang Perai," ujar Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

# Larian Menara MPSP disenarai sebagai program sukan negeri

Teks & Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Acara Larian Menara Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini disenaraikan di dalam kalendar tahunan sukan Kerajaan Negeri.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, menerusi penganjuran tersebut, ia bukan hanya dapat melahirkan masyarakat dengan amalan gaya hidup sihat.

"Sebaliknya, ia (program) juga merupakan medium dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa,'' ucapnya pada Majlis Pelancaran Larian Menara MPSP Ke-tiga 2015 di sini baru-baru ini.

Majlis pelepasan peserta disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin.

Kira-kira 600 peserta dari dalam dan luar negeri mengambil bahagian dalam acara yang turut dimeriahkan dengan kehadiran Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Ahli Majlis MPSP, Mustafa Kamal Ahmad dan ketua-ketua jabatan MPSP berkaitan.

Antaranya, seramai 32 peserta adalah dari negeri Kedah, Perak (15), Kuala Lumpur (5), Selangor (4), Johor (5) dan Sabah (6).

Peserta dari Bukit Mertajam iaitu K.K. Chandirann diumumkan sebagai juara bagi Kategori Lelaki Terbuka. Kemenangan tersebut membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM300, medal serta sijil.

"Saya rasa bersyukur kerana ini adalah kali ketiga berturut-turut saya memenangi acara ini dan dapat menamatkan larian dengan catatan masa 26 minit 18 saat," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini.

Antara kategori lain yang turut dipertandingkan ialah Kategori Perempuan Terbuka, Kategori Junior Lelaki, Kategori Junior Perempuan, Kategori Veteran Lelaki dan Kategori Veteran Perempuan.




MOHD. Rashid Hasnon (berjaket jingga) dan Dr. Afif Bahardin (barisan kedua, tiga dari kanan) bergambar kenangan dengan para peserta acara Larian Menara MPSP di sini baru-baru ini.




K.K. Chandirann (tengah) bergambar kenangan dengan dua pemenang lain sambil menunjukkan medal yang dimenangi.

# Dilema laluan rosak 20 tahun hampir selesai

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**TANJUNG BUNGA –** Apabila siapnya sambungan Jalan Bunga Hinai dan Jalan Bunga Kaca Piring di Tanjung Tokong, ianya diharap dapat memberi manfaat kepada penduduk setempat serta pihak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (C) Hun Bin di sini.

"Setelah hampir 20 tahun mencari jalan penyelesaian, akhirnya Kerajaan Negeri bersama-sama Jabatan Kerja Raya (JKR), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Tanjung Tokong dan enam keluarga yang bersetuju untuk berpindah setelah menerima pampasan rumah serta wang tunai yang dipersetujui berjaya menyelesaikan isu ini," katanya pada sidang media selepas sesi lawatan ke tapak projek di sini baru-baru ini.

Turut serta, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Chris Lee Chun Kit dan jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR).

Yee Cheu memberitahu, Kerajaan Negeri kini hanya mengambil tempoh masa lima tahun untuk menyelesaikan isu berbangkit di kawasan ini.

Dalam pada itu, jurutera JKR yang juga berada di lokasi menyatakan bahawa pihaknya percaya bahawa projek penyambungan dua jalan sepanjang 150 meter tersebut akan disiapkan pada 14 Februari 2016.

"Projek yang menelan belanja sebanyak RM1.878 juta ini mengambil masa setahun untuk disiapkan, malangnya, kini berlaku sedikit kelewatan, namun, kami (JKR) mempunyai kaedah tersendiri untuk mempercepatkan projek ini seperti pemasangan panel pada cerun bukit.

"Bagi makluman semua, projek ini kini siap sebanyak 32 peratus dan kelewatan dialami adalah 14 peratus," ujar beliau.



TEH Yee Cheu (dua dari kiri) dan Chris Lee Chun Kit (kanan sekali) ketika mengadakan lawatan ke lokasi projek sambungan Jalan Bunga Hinai dan Jalan Bunga Kaca Piring di Tanjung Tokong di sini baru-baru ini.



KEADAAN tapak projek yang masih dalam proses pembinaan.

## '*Skip for Fun & Fund*' kumpul dana bantu pesakit jantung

Gambar : **LAW SUUN TING**

**GEORGE TOWN –** Hospital Adventist Pulau Pinang (PAH) dengan kerjasama *Mended Hearts Penang* (MHP), sebuah organisasi sokongan pesakit jantung bakal menganjurkan program, '*Skip for Fun & Fund*' sempena sambutan Hari Jantung Sedunia mulai 10 pagi hingga 1 petang, 27 September ini.

Program yang mengetengahkan cabaran skip (lompat tali skip) dan pertandingan gaya skip paling kreatif tersebut bertujuan mewujudkan kesedaran kepada umum akan kepentingan menjaga kesihatan jantung.

"Saban tahun, terdapat pertambahan antara 10 hingga 15 peratus pesakit jantung atau penyakit berkaitan kardiovaskular (CVD) di seluruh negeri.

"Malah, menurut Persekutuan Jantung Sedunia (WHF), jumlah kematian akibat CVD meningkat dari 17.3 juta setahun ke 23 juta menjelang tahun 2030 nanti," kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan pada sidang media pengumuman penganjuran acara '*Skip for Fun & Fund*' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif PAH, Dr. Wesley Toh, wakil-wakil dari MHP dan pusat membeli-belah *Penang Times Square*.

Menurut Jayabalan, masyarakat hari ini suka menunding jari dan 'menuduh' bahawa pesakit jantung sakit disebabkan tidak mengamalkan gaya hidup sihat seperti tidak bersenam, makan berlebihan dan merokok.

"Sedangkan masyarakat tidak tahu, setiap individu adalah berpotensi mengalami CVD kerana faktor persekitaran juga.

"Justeru, penganjuran '*Skip for Fun & Fund*' yang bakal diadakan di di Konkos Aras 1, *Penang Times Square* adalah tepat pada masanya," jelasnya.

Tambah beliau, pada penganjuran tersebut, selain melompat tali skip, umum juga dapat menderma serendah RM5 bagi tujuan menampung dana pesakit jantung.

Dalam pada itu, Wesley memberitahu bahawa pihaknya berhasrat mengumpul dana berjumlah RM150,000 pada penganjuran berkenaan.

Bagi maklumat lanjut, sila hubungi talian 04 - 222 7644/7606/7344.




DR. T. Jayabalan (depan, kanan sekali) bersama-sama Dr. Wesley Toh (depan, kiri sekali) melakukan demonstrasi lompat tali skip pada sidang media pengumuman penganjuran *Skip for Fun & Fund'* di sini baru-baru ini.

## ADUN seru lebih ramai belia derma darah



TEH Lai Heng (kanan) bertanyakan sesuatu kepada salah seorang peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Projek Komuniti Menderma Darah di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **KOAY SHIANN HUAH**

**GEORGE TOWN –** Ekoran keadaan wabak denggi yang masih serius di negeri ini, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng menyeru agar lebih ramai golongan belia tampil menyertai kempen derma darah bagi memastikan bekalan darah di hospital adalah mencukupi.

Menurutnya, golongan belia mempunyai pengaruh rakan sebaya yang kuat sekaligus dilihat dapat menarik lebih ramai dalam kalangan mereka untuk menderma darah.

"Golongan belia merupakan golongan yang aktif bersosial dan mempunyai jaringan rakan sebaya yang luas.

"Sekiranya salah seorang daripada kelompok mereka hadir menyertai kempen ini, saya percaya akan ada lebih ramai lagi tampil menyertai kempen sebegini," ucapnya pada Majlis Perasmian Projek Komuniti Menderma Darah anjuran bersama-sama Pusat Khidmat ADUN Komtar, Persatuan Bomba Sukarela Paya Terubong, Cheng Leng Tuah dan AngKongKeng.com di sini baru-baru ini.

Jelas beliau, selain menambah bekalan darah sedia ada, kempen yang turut mendapat kerjasama Hospital Pulau Pinang (HPP) tersebut juga bertujuan mendidik orang ramai terutamanya belia supaya tidak takut menderma darah demi kebaikan orang lain.

"Penglibatan orang ramai dalam kempen ini membuktikan bahawa kesedaran tentang kebaikan menderma darah adalah masih kurang, namun, kita tidak akan berputus asa dan akan terus mengadakan kempen sebegini pada masa hadapan," ujar beliau.

Kempen yang diadakan secara tahunan sejak 2014 tersebut mensasarkan 150 pain darah bagi setiap kempen.

# ADUN komited teruskan program gunting rambut percuma

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**KEBUN BUNGA –** Program Khidmat Masyarakat : Gunting Rambut Percuma di Padang Tembak anjuran Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga memperoleh sambutan memberangsangkan apabila kira-kira 200 peserta mengambil bahagian di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Cheah Kah Peng berkata, program yang diadakan tiga kali setahun tersebut bertujuan meringankan beban keluarga kurang mampu, warga emas dan ibu tunggal.

"Gunting rambut secara percuma ini mulanya hanya terbuka untuk golongan kanak-kanak yang bakal memasuki sesi persekolahan baru, namun apabila terdapat permintaan daripada warga emas dan orang kurang upaya (OKU), kita turut jemput mereka untuk penganjuran kali ini.

"Sambutan sangat menggalakkan dan amat terharu apabila ada dalam kalangan mereka yang sanggup menunggu lama untuk giliran," katanya yang juga bertekad untuk meneruskan program khidmat masyarakat tersebut pada masa hadapan.

Tambah Kah Peng, kerjasama turut diberikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Padang Tembak dan salun rambut terkemuka, *Hairstory International* bagi menjayakan program berkaitan.

"Terima kasih kepada yang menjayakan program ini dan terima kasih kepada 50 pereka rambut dari *Hairstory International,"* ujar beliau.



**SEBAHAGIAN pereka rambut *Hairstory International* tekun menggunting rambut 'pelanggan' mereka.**



**CHEAH Kah Peng (kanan sekali) menunjukkan 'bakat' menggunting rambut salah seorang peserta pada Program Khidmat Masyarakat : Gunting Rambut Percuma di sini baru-baru ini.**

## Mangsa ribut dapat perhatian segera ADUN

Gambar : **ADUN**

**JAWI –** Nasib mangsa-mangsa ribut dan angin kencang di Jawi baru-baru ini memperoleh perhatian Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN), Soon Lip Chee.

Lip Chee bersama-sama wakil Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan (SPS) antara yang terawal tiba di lokasi kejadian pada 8 Ogos lalu bagi menyampaikan bantuan kepada mangsa-mangsa terjejas.

"Saya menerima panggilan sekitar 4.45 petang dan bergegas meninjau sendiri keadaan mangsa ribut dan kediaman mereka yang rosak akibat dipukul angin kencang.

"Kesemua tujuh buah rumah yang terjejas telah dipasangkan bumbung baharu menggunakan peruntukan khas ADUN termasuk sebuah di Kampung Victoria, Kampung Jawi, Kampung Changkat Baroh dan masing-masing dua buah rumah di Taman Desa Jawi dan Ladang Changkat," katanya ketika ditemui selepas tinjauan ke rumah-rumah yang terjejas di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, seorang penduduk di Changkat Baroh, Zakaria Ishak, 70-an, berkata, bumbung rumahnya diterbangkan angin kuat dalam sekelip mata.

"Walaupun rumah rosak, namun saya bersyukur kerana tiada kemalangan buruk menimpa kami sekeluarga," katanya.

Seorang lagi mangsa, Ng Chai Weng dari Kampung Victoria berasa lega apabila bumbung rumahnya dibaiki segera.

"Terima kasih kepada YB (Lip Chee) beri sumbangan baiki bumbung dengan segera dan membantu meringankan beban kami," ujar beliau.

Kesemua mangsa ribut terbabit turut menerima bantuan bencana dari Kerajaan Negeri dan Tabung Bencana Khas Tuan Yang Terutama Negeri (TYT).



**SOON Lip Chee (dua dari kiri) bersama-sama wakil Pejabat Daerah & Tanah SPS ketika meninjau keadaan rumah Zakaria Ishak (tiga dari kiri) di sini baru-baru ini.**

## ADUN edar bendera semarak semangat Merdeka

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**KOMTAR –** Dalam usaha menyemarakkan semangat Sambutan Kemerdekaan Ke-58, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng bersama-sama Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), S. Sukumar mengambil inisiatif khas mengedarkan 200 bendera kepada pengguna jalan raya yang melalui Komtar di sini baru-baru ini.

Lai Heng berkata, pendekatan yang diambil adalah inisiatif kecil pihaknya bagi menghangatkan sambutan Kemerdekaan negara.

"Pengisian erti Kemerdekaan adalah lebih utama dan penting. Negara telah melalui episod-episod seperti perselisihan antara kaum, krisis kewangan dan kemelut politik.

"Justeru, kini bukanlah masanya untuk berpecah belah. Walau apapun dugaan yang melintang, kita tidak boleh berputus asa, malah perlu terus mara untuk memajukan negara berasaskan perpaduan nasional," katanya kepada pihak media pada program mengedarkan Jalur Gemilang di sini baru-baru ini.



**TEH Lai Heng (tengah) dan S. Sukumar (dua dari kanan) menunjukkan tanda bagus sambil melekatkan bendera pada kenderaan salah seorang pengguna jalan raya yang melalui Komtar sempena program mengedarkan Jalur Gemilang di sini baru-baru ini.**

**Perbarisan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-58 Peringkat Negeri Pulau Pinang.**





















